05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGURUSAN WANG DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT

MUHAMMAD TORIQ BIN YAACOB

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengurusan wang dalam kalangan pelajar program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Seramai 287 responden telah mengambil bahagian dan kaedah pensampelan rawak berperingkat telah digunakan sebagai kaedah pemilihan responden. Data dikumpul menggunakan soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferens iaitu analisis ujian-*t* dan ANOVA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai tahap pengurusan wang positif yang mana pelajar daripada kumpulan B40 mempunyai pengurusan wang yang lebih baik berbanding kumpulan yang lain. Dari segi pendapatan pelajar; sumber utama diperoleh daripada biasiswa, diikuti dengan pemberian ibu bapa, zakat, sedekah dan lain-lain jenis sumbangan. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar memperuntukkan 43.2% dari jumlah perbelanjaan bulanan mereka bagi tujuan pembelian makanan dan minuman. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa peruntukkan biasiswa telah berjaya disalurkan kepada pelajar dari golongan B40. Pengurusan wang yang baik membantu pelajar daripada berhadapan dengan masalah kewangan dan ini akan menyumbang kepada kejayaan pelajar menamatkan pengajian mengikut masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MONEY MANAGEMENT AMONG DIPLOMA STUDENTS OF TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify money management status among diploma students of Tahfiz al-Quran Wal Qiraat program. A total of 287 respondents participated in this study and selection of the responden was made by using multistage cluster sampling method. The instrument used for data collection is questionnaire set. Data were analyzed using descriptive and inferential analyses; the *t-test* and Anova. This study found that majority of the respondents recorded positive money management practice; in which respondents from group of B40 (low income family) had better money management status compared to other groups. In terms of income; The main source of findings from scholarships, followed by parents' contribution, zakat and other forms of charity contributions. The findings also showed that students allocated 43.2% of their monthly expenses for food and drinks purposes. As the conclusion of this study, scholarships have been channeled to groups of students who are truly eligible; that is students of the B40 group. Good money management helps students to deal with financial problems and this will contribute to the success of students to graduate on time.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	2
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Soalan Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kerangka Teori Kajian 11

1.9 Kerangka Konseptual Kajian 13

1.10 Kepentingan Kajian 15

1.11 Batasan Kajian 16

1.12 Definisi Operational 17

1.12.1 Pengurusan Wang 17

1.12.2 Darul Quran JAKIM 18

1.12.3 Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat 18

1.12.4 *Syukbah* 19

1.12.5 Pendidikan Tahfiz al-Quran 20

1.12.6 Isi Rumah Mengikut Kumpulan Pendapatan 21

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan 23

2.1 Masalah Kewangan Mahasiswa 24

2.2 Tahap Jaminan Untuk Mendapatkan Makanan (*Food Insecurity*) 27

2.3 Bantuan Kewangan Pelajar 28

2.4 Perbelanjaan Pelajar IPT 30

2.5 Literasi Kewangan 34

2.6 Kurikulum Pengurusan Kewangan 38

2.7 Rumusan 42

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	45
3.1	Reka Bentuk Kajian	46
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	47
3.3	Instrumen Kajian	49
3.4	Kajian Rintis	52
3.5	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	54
3.6	Teknik Penganalisisan Data Kajian	55
3.7	Rumusan	56

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.0	Pengenalan	58
4.1	Profil Responden	59
	4.1.1 Demografi Pelajar Kajian	59
	4.1.2 Institusi Pengajian dan *Syukbah*	61
	4.1.3 Faktor Sosioekonomi Pelajar	62
4.2	Kajian Tingkat Pendapatan Bulanan Pelajar	64
	4.2.1 Sumber Pendapatan daripada Biasiswa	65
	4.2.2 Sumber Pendapatan daripada Pemberian Ibu Bapa	66
	4.2.3 Sumber Pendapatan Pelajar daripada Sedekah, Zakat atau Lain-lain Sumbangan	67

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4 Sumber Pendapatan daripada Lain-Lain Sumber 68

4.2.5 Jumlah Pendapatan Bulanan Pelajar 69

4.3 Kajian Corak Perbelanjaan Pelajar 70

4.3.1 Pengangkutan 70

4.3.2 Sedekah 71

4.3.3 Makan dan Minum 71

4.3.4 Pakaian 72

4.3.5 Alat Tulis 73

4.3.6 Buku, Majalah dan Kitab Rujukan 74

4.3.7 Bil Telefon atau Tambah Nilai 75

4.3.8 Perkhidmatan Internet 76

4.3.9 Lain-Lain Perbelanjaan 77

4.3.10 Min Anggaran Perbelanjaan Bulanan Mengikut Barangan dan Perkhidmatan 78

4.3.11 Jumlah Perbelanjaan Bulanan Pelajar 80

4.4 Kajian Pengurusan Wang Pelajar 81

4.4.1 Perincian Pengurusan Wang Pelajar 82

4.4.2 Tahap Pengurusan Wang Pelajar 83

4.4.3 Min Pendapatan, Perbelanjaan dan Pengurusan Wang Pelajar 84

4.5 Keputusan Ujian-T bagi Mengenal Pasti Perbezaan Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Jantina 84

4.5.1 Keputusan Ujian-T bagi Mengenal Pasti Perbezaan Tahap Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Jantina 85

4.5.2 Rumusan Daripada Ujian-T bagi Mengenal Pasti Min

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengurusan Wang Pelajar Pengikut Jantina 85

4.6 Keputusan Ujian Anova bagi Mengenal Pasti Perbezaan Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga Pelajar 86

4.6.1 Keputusan Ujian Anova bagi Mengenal Pasti Perbezaan Tahap Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga Pelajar 87

4.6.2 Rumusan Ujian Anova bagi Mengenal Pasti Min Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga Pelajar 87

BAB 5 KESIMPULAN, BERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan 89

5.1 Perbincangan Dapatan Kajian 90

5.2.1 Tingkat Pendapatan Pelajar 90

5.2.2 Corak Perbelanjaan Pelajar 92

5.2.3 Tahap Pengurusan Wang Pelajar 95

5.2.4 Perbezaan Min Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Jantina 98

5.2.5 Perbezaan Min Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga Pelajar 100

5.3 Implikasi Kajian 101

5.4 Cadangan Pengurusan Wang Pelajar 105

5.5 Kajian Lanjutan 106

RUJUKAN 108

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jumlah Populasi Kajian	48
3.2	Keputusan Analisis Normaliti Ke Atas 278 Data Responden	54
4.1	Taburan Kekerapan dan Peratusan Demografi Pelajar	60
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratusan Institusi Pengajian Pelajar dan *Syukbah*	61
4.3	Taburan Kekerapan dan Peratusan Faktor Sosioekonomi Pelajar	63
4.4	Taburan Kekerapan dan Peratusan Pendapatan Bulanan Pelajar Daripada Biasiswa	65
4.5	Taburan Kekerapan dan Peratusan Pendapatan Bulanan Pelajar Daripada Pemberian Ibu Bapa	66
4.6	Taburan Kekerapan dan Peratusan Pendapatan Bulanan Pelajar Daripada Sedekah, Zakat dan Lain-Lain Sumbangan	67
4.7	Taburan Kekerapan dan Peratusan Pendapatan Bulanan Pelajar Daripada Lain-Lain Sumber Pendapatan	68
4.8	Taburan Kekerapan dan Peratusan Jumlah Pendapatan Bulanan Pelajar	69
4.9	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan Bagi Pengangkutan	70
4.10	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan Bagi Sedekah	71
4.11	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan Bagi Makan dan Minum	72
4.12	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan bagi Pakaian	73
4.13	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan bagi Alat Tulis	74

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.14	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan bagi Buku, Majalah dan Kitab Rujukan	75
4.15	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan bagi Bil Telefon atau Tambah Nilai	76
4.16	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan bagi Perkhidmatan Internet	77
4.17	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan bagi Lain-Lain Perbelanjaan	78
4.18	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Peratusan Perbelanjaan Pelajar Mengikut Barangan dan Perkhidmatan	79
4.19	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perbelanjaan Bulanan Pelajar	80
4.20	Taburan Kekerapan dan Peratusan Perincian Pengurusan Wang Pelajar	82
4.21	Taburan Kekerapan dan Peratusan Tentang Rumusan Tahap Pengurusan Wang Pelajar	83
4.22	Taburan Min Pendapatan, Perbelanjaan dan Pengurusan Wang Pelajar	84
4.23	Keputusan Ujian-T Terhadap Tahap Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Jantina	85
4.24	Taburan Min Pendapatan, Perbelanjaan dan Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Jantina	86
4.25	Keputusan Anova Terhadap Tahap Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga Pelajar	87
4.26	Taburan Min Pendapatan, Perbelanjaan dan Pengurusan Wang Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga Pelajar	88

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	*Keynesian Saving Function*	14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
B40	Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah
CRRC	Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna
CCRIS	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat
CUCMS	*Cyberjaya University College of Medical Sceinces*
GPA	*Grade Point Average*
IPT	Institut Pengajian Tinggi
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KCF	*Keynesian Consumption Function*
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KUiTTHO	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan
MPC	*Marginal Propensity To Consume*
MPS	*Marginal Propensity To Save*
MTQN	Maahad Tahfiz al-Quran Negeri
M40	Isi Rumah Berpendapatan 40% Pertengahan
SPSS	*Statistical Package for The Social Science*
PPPIR	Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
T20	Isi Rumah Berpendapatan 20% Tertinggi
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UMP	Univerisiti Malaysia Pahang
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UM	Univerisiti Malaya
UTeM	Univerisiti Teknikal Malaysia Melaka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UnisZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USD	*United States Dollar*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptb

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pengenalan

Bab 1 membincangkan secara 11 aspek utama dalam kajian ini mengikut turutan berikut ; pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Wang memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Tanpa wang banyak keperluan dan kehendak sukar untuk dipenuhi. Ini kerana wang merupakan alat perantaraan bagi pertukaran barangan dan perkhidmatan. Aktiviti ekonomi amat penting dalam memperlihatkan peranan sebenar wang. Susulan dari itu, ia juga memperlihatkan betapa pentingnya aspek pengurusan wang dikuasai oleh individu dan masyarakat. Semua unit-unit ekonomi perlu mampu mengurus kewangan bagi memastikan sumber kewangan dapat dibelanjakan dengan sebaik mungkin. Selain itu ia juga bagi memastikan tidak berlakunya keperluan kewangan tambahan iaitu hutang. Jika sumber kewangan dapat diurus dengan baik, maka tabungan akan diwujudkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan pengurusan kewangan adalah amat penting Islam menyarankan bentuk perbelanjaan secara sederhana dan seimbang. Al-Quran menggalakkan supaya berbelanja secara sederhana;

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُواْ لَمۡ يُسۡرِفُواْ وَلَمۡ يَقۡتُرُواْ وَكَانَ بَيۡنَ ذَٰلِكَ قَوَامٗا

> *Maksudnya: "Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."*
>
> (Surah al-Furqan 25:67)

Yusuf al-Qaradawi (1998) memberi gambaran tentang situasi kerajaan mengalami kekurangan sumber hasil. Dengan memberi contoh kepada pendekatan yang digunakan oleh Nabi Yusuf a.s. dalam perancangan lima belas tahun mengurus kewangan negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mesir. Bahkan Islam turut memberi saranan kepada individu Muslim supaya membuat pertimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan.

Lanjutan dari isu yang disebut di atas, jelas menunjukkan kemahiran pengurusan wang perlu dikuasai oleh setiap individu. Ini bagi memastikan sumber pendapatan dapat dioptimumkan penggunaannya serta dalam mengelakkan perbuatan membazir. Kesan daripada penguasaan pengurusan wang ini akan memberi manfaat yang besar kepada individu dan masyarakat. Bahkan dalam masa yang sama, negara turut menerima kesan penguasaan pengurusan wang ini. Jika ahli masyarakat mampu mengurus wang mereka dengan baik, ia dapat dijelmakan melalui pengurusan pendapatan dan perbelanjaan yang bijak. Di samping itu, ahli masyarakat dapat mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam kes berhutang dan pembaziran. Kesemua ini akan memberi kesan secara tidak langsung kepada negara kerana sebarang kegagalan ahli masyarakat dalam menguruskan wang mereka akan menyebabkan negara terjebak dalam masalah inflasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Aspek pengurusan wang amat penting untuk diberi penekanan. Semua lapisan masyarakat perlu diberikan ilmu pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan pengurusan wang bermula di peringkat kanak-kanak tadika, pelajar sekolah, mahasiswa, generasi belia, golongan pekerja sehingga ke semua peringkat umur. Tanpa ilmu pengetahuan berkaitan dengan pengurusan wang, ahli masyarakat akan mudah terjebak dalam pelbagai masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkaitan dengan wang. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) pada tahun 2012, 47 peratus pengguna muda menghadapi masalah hutang yang membimbangkan. Manakala, 37 peratus pula mempunyai sikap berbelanja di luar kemampuan. Purata perbelanjaan menggunakan kad kredit pula sebanyak RM702 sebulan (Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia, 2013).

Keupayaan pelajar mengurus wang dengan bijak akan memberi kesan kepada pembelajaran mereka di universiti. Mereka mungkin berupaya untuk melakukan simpanan bagi persiapan masa hadapan seperti masa selepas menamatkan pengajian atau masa sebelum menunggu pekerjaan. Sebaliknya, jika mereka gagal dalam pengurusan wang, mereka akan berhadapan dengan pelbagai masalah berkaitan dengan kewangan (Nur Afizah Bujang, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (2013) menyarankan kaedah mengurus kewangan berikut ;

a) Membuat simpanan sebanyak 10 peratus daripada pendapatan bulanan.

b) Membuat catat semua perbelanjaan harian

c) Membuat senarai hutang

d) Mengutamakan keperluan daripada kehendak.

e) Membuat azam untuk mencapai matlamat kewangan dan mendisiplinkan diri.

f) Menyediakan perlindungan kewangan untuk diri dan keluarga.

g) Mengemas kini maklumat bayaran balik pinjaman dengan pihak berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

h) Cuba mendapat maklumat terkini laporan kredit melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS) di Bank Negara Malaysia dan cawangan / pejabat berhampiran.

Bagi pelajar yang mengikuti program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat pula, bagi tahun 2015, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan kenaikan kadar biasiswa kepada pelajar Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebanyak RM450.00 sebulan. Selain daripada itu, mereka tidak perlu membayar apa-apa kos bulanan lain. Semua kemudahan lain seperti Yuran koperasi, perpustakaan, Kemudahan komputer dan sebagainya dibayar semasa pendaftaran. Kos pendaftaran tersebut bagi tahun 2015 ialah sebanyak RM1300.00 bagi pelajar lelaki dan RM1400.00 bagi pelajar perempuan (Cawangan Kewangan & Pentadbiran Darul Quran, 2016). Begitu juga dengan institusi-institusi lain yang turut melaksanakan Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Bahkan sebahagian daripada mereka memperoleh sumber daripada institusi zakat manakala sebahagian lagi bergantung sepenuhnya kepada sumber kewangan daripada pembayaran yuran pengajian. Namun demikian, pihak pentadbiran dan pengurusan masih tidak mengetahui apakah peruntukkan sumber pendapatan pelajar mampu menampung perbelanjaan mereka dan apakah pelajar yang berjaya mendapat bantuan kewangan adalah daripada mereka yang berpendapatan rendah.

Pelajar yang mengikuti program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran ini secara umumnya perlu mengikuti Kursus Hifz al-Quran. Dua hasil pembelajaran daripada kursus ini ialah berkemampuan menguasai hafalan dan berkemampuan mengambil iktibar, menghayati dan mengaplikasikan al-Quran dalam kehidupan kini (JAKIM, 2014). Di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebalik kurikulum yang ditetapkan ini, kitab al-Quran yang dipelajari membincangkan tentang banyak perkara termasuk isu-isu yang berkaitan ekonomi termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan wang. Menurut Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006), al-Quran membincangkan tentang ekonomi. Antara tajuk yang dibincangkan di dalam al-Quran berkaitan dengan ekonomi ialah membetulkan pandangan manusia tentang harta, menggalakkan bekerja dan mengelakkan pengangguran, cara mengurus sumber alam, perintah berjimat cermat dan larangan melakukan pembaziran, pengharaman sumber rezeki yang kotor, pengharaman mengumpulkan harta tanpa menggunakannya serta anjuran supaya mengikut panduan akhlak Islam dalam melakukan aktiviti ekonomi dan muamalat.

1.3 Pernyataan Masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejak negara mencapai kemerdekaan, kerajaan memperuntukkan tahap pelaburan yang tinggi dalam pendidikan. Pada awal tahun 1980-an, perbelanjaan negara untuk pendidikan rendah dan menengah sebagai peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah yang tertinggi di Asia Timur. Pada tahun 2012, daripada jumlah bajet pendidikan sebanyak RM37 bilion, Kerajaan terus menyediakan peruntukan yang terbesar, iaitu sebanyak 16% daripada jumlah bajet kepada Kementerian Pelajaran. Peruntukan besar ini menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk membangunkan pendidikan negara dan meletakkannya sebagai keutamaan (Laporan Awal – Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Banyak kajian-kajian lepas, laporan akhbar dan artikel-artikel ilmiah menunjukkan bahawa pelajar berhadapan dengan masalah kewangan yang memerlukan penyelesaian. Menurut Netty Zahura Abd Aziz (2006) masalah kewangan boleh menyebabkan masalah kerunsingan di kalangan pelajar. Pelajar yang memperoleh wang pinjaman tidak bijak mengawal perbelanjaan mereka. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Musnizam Mustapha (2001) yang mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pula menunjukkan bahawa masalah kewangan adalah merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar KUiTTHO. Oleh itu, dengan kadar penerimaan biasiswa bulanan pelajar sebanyak RM450.00 sebulan, kajian ini akan melihat adakah semua masalah yang disebutkan di atas turut dihadapi oleh pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, Haslina Hassan et al. (2013) mencadangkan supaya pelajar tetap perlu diberi ilmu berkenaan perancangan wang tanpa mengira pencapaian akademik mereka. Ini kerana pencapaian cemerlang dalam bidang akademik bukan penentu kepada kecekapan mereka dalam mengurus wang. Pelajar harus diberi panduan berkenaan cara mengurus wang biasiswa atau pinjaman supaya tidak berlaku penggunaan wang kepada perkara yang tidak perlu dan ini juga akan mengelakkan daripada berlakunya pembaziran. Ini termasuk dengan cara menganjurkan kursus berkenaan pengurusan wang kepada pelajar. Oleh itu kajian ini akan melihat adakah masalah yang sama turut berlaku di kalangan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian lepas juga mencadangkan supaya kurikulum pengurusan wang amat penting untuk diikuti oleh pelajar selain turut menunjukkan perlunya meningkatkan tahap literasi kewangan mereka. Ini dapat dilihat daripada kajian oleh Noraihan Mamat Zambi et al. (2013) yang bersetuju dengan peranan yang dimainkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) membangunkan kurikulum pengurusan wang peribadi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia. Ini adalah perlu bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai aspek-aspek pengurusan wang.

Menurut Noraihan Mamat Zambi et al. (2013) pula, kebanyakan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Malaysia menggunakan dana pendidikan untuk perbelanjaan lain selain daripada perbelanjaan akademik. Kebanyakan daripada mereka juga tidak dapat mengenal pasti penggunaan wang perbelanjaan mereka sehingga mereka membelanjakan wang kepada perkara yang tidak perlu. Pembelajaran pelajar boleh terganggu disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga mereka. Kajian ini akan melihat sama ada pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat berhadapan dengan masalah yang sama atau sebaliknya di samping turut melihat pengurusan wang pelajar mengikut kumpulan pendapatan keluarga pelajar.

Kebanyakan punca masalah kewangan yang berlaku dikenal pasti bermula dengan amalan dan tingkah laku individu itu sendiri dalam mengurus wang. Ini adalah seperti penggunaan kredit yang berlebihan, berbelanja melebihi pendapatan, mengutamakan pembelian berkenaan kehendak berbanding keperluan dan tidak mempunyai simpanan bagi tujuan kecemasan (Nurul ‘Alyaa et al., 2013). Menurut Redhwan et al. (2009) punca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

utama tekanan yang dihadapi oleh pelajar ialah disebabkan oleh masalah kewangan diikuti oleh masalah kurang tidur dan masalah keluarga.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti pengurusan wang di kalangan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.

1.5 Objektif Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) Mengetahui tingkat pendapatan dan corak perbelanjaan bulanan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.
2) Menentukan tahap pengurusan wang dalam kalangan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.
3) Mengenal pasti perbezaan min pengurusan wang pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat mengikut jantina dan kumpulan pendapatan keluarga pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Soalan Kajian

1) Apakah tingkat pendapatan dan corak perbelanjaan bulanan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.
2) Apakah tahap pengurusan wang dalam kalangan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.
3) Adakah terdapat perbezaan min pengurusan wang pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat mengikut jantina dan kumpulan pendapatan keluarga pelajar.

1.7 Hipotesis Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis kajian dibina berdasarkan kepada objektif kajian. Hipotesis yang dikaji adalah hipotesis penyelidikan (Ha) manakala hipotesis yang diuji adalah hipotesis nul (Ho). Dalam kajian ini, hubungan pendidikan al-Quran yang diikuti pelajar dengan pengurusan wang mereka akan dikaji. Oleh itu, Hipotesis Nul kajian adalah seperti berikut :

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengurusan wang pelajar lelaki dan pelajar perempuan

Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengurusan wang pelajar mengikut kumpulan pendapatan keluarga pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengurusan wang bagi pelajar yang mengikuti Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Teori yang berkaitan dengan pengurusan wang dalam kajian ini ialah teori Fungsi Penggunaan yang dikemukakan oleh Keynes (Keynesian *Consumption Function*). Menurut Froyen (2002), teori ini menjelaskan hubungan antara pendapatan dan perbelanjaan. Menurut Keynes, pendapatan adalah merupakan faktor yang paling dominan mempengaruhi perbelanjaan. Faktor-faktor lain tetap memberi kesan walau bagaimanapun faktor-faktor lain hanya memberi kesan yang minimum. Hubungan antara pendapatan dan perbelanjaan yang dikenali sebagai Fungsi Kepenggunaan Keynesian atau *Keynesian Consumption Function* (KCF) tersebut adalah seperti berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$C = a + bYD \qquad a > 0, 0 < b < 1 \tag{1.1}$$

Formula di atas menunjukkan titik persilangan *a* adalah perbelanjaan yang diandaikan mempunyai nilai positif apabila pendapatan boleh guna bersamaan dengan sifar. Parameter *b* pula Kecenderungan Marginal untuk Mengguna (*Marginal Propensity to Consume*) atau singkatannya MPC dan menunjukkan tentang pertambahan perbelanjaan bagi setiap pertambahan seunit dalam pendapatan boleh guna. Keynes berpendapat bahawa perbelanjaan akan meningkat dengan peningkatan dalam pendapatan boleh guna ($b > 0$). Namun, peningkatan dalam perbelanjaan adalah kurang daripada peningkatan dalam pendapatan boleh guna ($b < 1$). Formula MPC adalah seperti berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$$b = \triangle C / \triangle YD \quad (1.2)$$

Fungsi ini juga telah memperlihatkan hubungan antara simpanan dengan pendapatan yang dikenali Fungsi Simpanan Keynes (*Keynesian Saving Function*) atau singkatan KSF yang dapat dilihat daripada formula berikut :

$$S = -a + (1-b)\ YD \quad (1.3)$$

Formula ini menunjukkan tahap simpanan (S) pada setiap peringkat perbelanjaan boleh guna (YD) . Jika satu unit pertambahan dalam pendapatan boleh guna menyebabkan peningkatan *b* unit perbelanjaan, baki daripada peningkatan satu unit (*1 - b*) adalah peningkatan dalam simpanan. (–*a*) pula menunjukkan tahap simpanan negatif pada setiap tahap pendapatan boleh guna. Peningkatan dalam simpanan bagi setiap peningkatan satu unit pendapatan boleh guna (*1 - b*) dikenali sebagai Kecenderungan Marginal Untuk Menyimpan (*Marginal Propensity to Save*) atau singkatannya MPS yang dapat dilihat daripada formula berikut :

$$\triangle C / \triangle YD = 1 - b \quad (1.4)$$

Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti tingkat pendapatan dan corak perbelanjaan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Kesemua tingkat pendapatan dan perbelanjaan pelajar dikaji menggunakan Teori *Keynesian Consumption Function* dan Teori *Keynesian Saving Function*. Manakala tahap pengurusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wang adalah diperoleh melalui perbezaan antara pendapatan dan perbelanjaan pelajar yang diadaptasi daripada tiga situasi fiskal yang dihadapi oleh kerajaan sama ada kerajaan persekutuan, negeri atau kerajaan tempatan. Tiga situasi tersebut ialah belanjawan lebihan, defisit dan belanjawan berimbang (Zulkefly Abdul Karim & Aminudin Mokhtar, 2005). Justeru, kajian ini mengemukakan tiga tahap pengurusan wang pelajar seperti berikut:

1.8.1 Pengurusan Wang Positif : Pendapatan melebihi perbelanjaan

1.8.2 Pengurusan Wang Seimbang : Pendapatan sama dengan perbelanjaan

1.8.3 Pengurusan Wang Negatif : Pendapatan kurang daripada perbelanjaan

1.9 Kerangka Konseptual Kajian


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, kajian ini juga melihat tahap pengurusan wang tersebut berdasarkan kepada perbezaan min antara jantina dan kumpulan pendapatan keluarga pelajar. Ini dapat dilihat daripada Rajah 1.1 mengenai kerangka konseptual kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka konseptual kajian ini dapat dilihat daripada Rajah 1.1 berikut :



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual. Diadaptasi dari model *Keynesian Consumption Function* dan model *Keynesian Saving Function.*

Manakala Fungsi Pengurusan Wang dalam kajian ini pula ialah seperti berikut :

$$Mm = Y - C \qquad (1.5)$$

Mm = Pengurusan Wang yang merupakan Pemboleh Ubah Bersandar

Y = Pendapatan

C = Perbelanjaan

Fungsi Mm = Y – C adalah menunjukkan bahawa (Mm) iaitu pengurusan wang adalah merupakan pemboleh ubah bersandar manakala (Y) dan (C) mewakili pendapatan dan perbelanjaan merupakan pemboleh ubah bebas. Hasil daripada perbezaan antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendapatan dan perbelanjaan akan memberi petunjuk kepada tahap pengurusan wang pelajar sama ada pengurusan wang positif, seimbang pengurusan wang dan pengurusan wang negatif. Pengurusan wang positif ialah situasi yang menunjukkan pengurusan wang pelajar masih lagi mempunyai baki untuk simpanan selepas pendapatan ditolak perbelanjaan. Dengan kata lain, keadaan ini juga menunjukkan pelajar mempunyai lebihan dalam pendapatan selepas ditolak perbelanjaan. Seimbang pengurusan wang pula menunjukkan pelajar tidak mempunyai sebarang baki wang untuk disimpan selepas pendapatan mereka ditolak dengan perbelanjaan. Manakala pengurusan wang negatif pula merupakan situasi perbelanjaan pelajar melebihi pendapatan mereka.

1.10 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini merupakan penyelidikan pertama dalam mengenal pasti pengurusan wang yang melibatkan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Ini termasuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan dengan tingkat pendapatan, corak perbelanjaan dan seterusnya aspek yang lebih mendalam berkenaan dengan pengurusan wang pelajar mengikut jantina dan mengikut kumpulan pendapatan keluarga pelajar. Kajian ini dapat membekalkan data kuantitatif untuk perkembangan kajian yang berkaitan dengan sumber pembiayaan, perbelanjaan dan tabungan pelajar dari pelbagai institusi. Selanjutnya kajian ini akan memberi panduan kepada pelaksana dasar bagi merangka polisi akan datang atau memperbaiki yang sedia ada serta dapat membantu pihak pengurusan institusi mengenal pasti jumlah pembiayaan berdasarkan kepada jumlah keperluan sebenar pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini akan memastikan bantuan kewangan yang disalurkan menjadi lebih efisien dan terarah. Selain daripada itu, kajian ini membantu pihak pengurusan institusi mengenal pasti jika masih terdapat kelompok pelajar yang hanya bergantung kepada biasiswa bulanan sebagai sumber perbelanjaan. Ini secara tidak langsung akan membantu pihak kerajaan menyediakan agihan perbelanjaan di peringkat nasional dengan lebih baik.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada pelajar di empat buah institusi pengajian tinggi yang mengikuti Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Ia Kampus Induk Darul Quran di Kuala Kubu Bharu Selangor, dan tiga Maahad Tahfiz al-Quran Negeri yang mengadakan kerjasama dengan Darul Quran iaitu Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Sayyidina Ali, Melaka, Institut al-Quran Darul Aman, Kedah dan Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MAIK), Kelantan. Oleh itu kajian ini tidak menggambarkan situasi di lain-lain institusi tahfiz sama ada yang mengadakan kerjasama dengan pihak Darul Quran atau institusi tahfiz yang tidak mengadakan kerjasama dengan pihak Darul Quran. Kajian ini hanya menumpukan kepada pengurusan wang pelajar berdasarkan kepada sumber pendapatan dan corak perbelanjaan mereka sahaja. Aspek lain yang berkaitan seperti amalan menabung, pengurusan hutang pelajar, tahap literasi kewangan mereka dan aspek-aspek lain berkaitan dengan pengurusan wang tidak termasuk dalam kajian ini. Akhir sekali kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar yang mengikuti Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wal Qiraat. Program Pengajian di peringkat sijil dan ijazah sarjana muda di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu tidak termasuk dalam kajian ini.

1.12 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah bagi menjelaskan penggunaan perkataan dalam kajian ini iaitu pengurusan wang, Darul Quran, Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, *Syukbah*, Pendidikan Tahfiz al-Quran dan Isi Rumah Mengikut Kumpulan Pendapatan.

1.12.1 Pengurusan Wang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam memberikan definisi pengurusan wang, Horne & Wachomicz (2008) menyatakan bahawa "Pengurusan wang adalah berkaitan dengan urusan ambil alih, pembiayaan, dan mengurus aset dengan matlamat tertentu yang telah ditetapkan" (ms.2). Manakala Bany Ariffin et al. (2002) memberikan definisi pengurusan wang merupakan seni dan sains bagi mengendalikan wang yang perlu dimiliki oleh individu dan organisasi. Kajian oleh Noor Azizah Shaari et al. (2013) menjadikan aspek pengurusan wang sebagai salah satu pemboleh ubah bebas. Manakala pemboleh ubah bersandar pula ialah literasi kewangan dan kajian ini menjadikan tabiat berbelanja sebagai pengukur kepada pengurusan wang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12.2 Darul Quran JAKIM

Darul Quran mula ditubuhkan pada tahun 1966 hasil cetusan idea Tuanku Abdul Rahman Putera al-Haj dengan hasrat mewujudkan sebuah Institusi Pengajian Tahfiz al-Quran di Malaysia. Semenjak daripada itu, Darul Quran telah berkembang pesat sehingga pada tahun 1997, Darul Quran telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dari segi program pengajian, Darul Quran menawarkan program pengajian Ijazah Sarjana Muda Quran Sunah dengan kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Program Pensijilan Tahfiz JAKIM-Uniten, Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM -CUCMS, Program Pensijilan Tahfiz Darul Quran JAKIM-UIAM dan Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (JAKIM, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.12.3 Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat

Program Pengajian Diploma ini merupakan salah satu program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran, JAKIM. Pelajar yang mengikuti program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran ini perlu mengikuti Kursus Hifz al-Quran. Dua hasil pembelajaran daripada kursus ini ialah berkemampuan menguasai hafalan dan berkemampuan mengambil iktibar, menghayati dan mengaplikasikan al-Quran dalam kehidupan kini. (JAKIM, 2014). Program ini mula diperkenalkan dan diperakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1983 dan sehingga kini, sebanyak 14 buah Maahad Tahfiz al-Quran Negeri (MTQN) atau Institusi yang menawarkan program pengajian tahfiz al-Quran di peringkat negeri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah mengadakan kerjasama bagi program pengajian ini iaitu MTQN Perlis, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa, Pulau Pinang, Institut al-Quran Kedah Darul Aman, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Perak, Kolej Pengajian Islam Johor, Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Sayyidina Ali Melaka, Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Pahang, Institut al-Quran Terengganu, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Kelantan, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Sabah, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin, Institut Pengajian Islam Terengganu (JAKIM, 2016).

1.12.4 *Syukbah*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut bahagian I bahagian tafsiran, Peraturan-Peraturan Akademik Darul Quran 2011 (Pindaan 2014) (JAKIM, 2014);

"*Syukbah* adalah unit pengurusan pengajian mengikut pengkhususan kursus"

Sebanyak enam *Syukbah* ditawarkan dalam Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Keenam-enam *syukbah* tersebut yang pertama ialah *Syukbah Qiraat*. Antara pengkhususan kursus yang ditawarkan ialah *Qiraat Ilmi* I dan II, *Dhobt al-Quran*, *Tarikh al-Qurra'* dan *Fawasil*. *Syukbah* seterusnya ialah *Syukbah Dakwah*. Antara pengkhususan kursus yang ditawarkan ialah Pengurusan Islam, Bimbingan dan Kaunseling Islam serta Komunikasi Dakwah. *Syukbah* yang ketiga yang ditawarkan ialah *Syukbah Syariah*. Antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkhususan kursus yang ditawarkan ialah Pengantar Ilmu *Syariah, Qawaid Fiqhiyyah* dan *Fiqh al-Jinayah*. *Syukbah* yang keempat yang ditawarkan ialah *Syukbah Hadith*. Antara pengkhususan kursus yang ditawarkan ialah Pengantar Ilmu *Tadwin al-Hadis, Ulum al-Hadith* dan Kajian Teks *al-Hadith*. *Syukbah* yang kelima yang ditawarkan ialah *Syukbah Muamalat*. Antara pengkhususan kursus yang ditawarkan ialah Ekonomi Perbandingan, Perbankan Islam, Sistem Kewangan Islam dan Prinsip Ekonomi Islam. *Syukbah* terakhir yang ditawarkan ialah *Syukbah* Pengurusan Halal. Antara pengkhususan kursus yang ditawarkan ialah Pengenalan Kepada Industri Halal, Perundangan dan Penguatkuasaan Halal serta Pensijilan Halal (JAKIM, 2016).

1.12.5 Pendidikan Tahfiz al-Quran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Sabri Mohamad et al. (2016), Pendidikan Tahfiz merupakan pendidikan awal dalam sistem pendidikan Islam yang digalakkan oleh Rasulullah SAW. Hafalan juga menjadi kaedah pengajaran yang digunakan oleh Rasulullah SAW mengajar al-Quran kepada sahabatnya. Sejarah membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah menyampaikan dan mengajarkan al-Quran kepada para sahabat menggunakan sistem pendidikan tahfiz dengan menggunakan kaedah hafazan sebagai kaedah utama (Mohamad Marzuqi Abdul Rahim et al., 2016). Menghafaz al-Quran adalah penting bagi menjaga kesucian al-Quran kekal selama-lamanya. Terdapat ulama yang menghukumkan bahawa menghafaz al-Quran adalah fardu kifayah yang bererti sekiranya ada sebahagian masyarakat yang menghafaz al-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Quran, maka gugurlah kewajipan menghafaz al-Quran kepada masyarakat tersebut (Sabri Mohamad et al., 2016).

Sistem pendidikan tahfiz telah setaraf dengan sistem pendidikan bidang lain kerana sistem pengajiannya telah dibangunkan dengan teratur dan telah berkembang di pelbagai peringkat pendidikan (Abd. Rahman Abd Ghani, 2016). Di Peringkat Universiti, semua pelajar di Fakulti Pengajian al-Quran & Sunnah Di Univerisiti Sains Islam Malaysia diwajibkan mengambil 5 kursus berkenaan hafazan al-Quran (*Hifz al-Quran*) (Hayati Hussin et al., 2016).

Aktiviti kerohanian adalah salah satu aspek yang ditekankan dalam pendidikan di Malaysia. Ini dapat dilihat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mempunyai matlamat untuk melahirkan individu yang seimbang dari aspek fizikal, emosi, rohani dan intelek. Pelajar yang terlibat dalam pendidikan ini akan sentiasa melibatkan diri mereka melalui aktiviti kerohanian terutamanya melalui aktiviti menghafaz al-Quran (Muhammad Zawawi Muhammad Ali @ Yusof & Nor Hafizi Yusof, 2016).

1.12.6 Isi Rumah Mengikut Kumpulan Pendapatan

Isi rumah mengikut kumpulan pendapatan dibahagikan kepada tiga iaitu kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi, 40% pertengahan dan 40% terendah. Berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2014, kumpulan pendapatan tersebut didefinisikan seperti berikut:

(a) Kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi (T20) adalah isi rumah yang berpendapatan purata bulanan RM8,319 dan ke atas.

(b) Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (isi rumah M40) merupakan isi rumah yang berpendapatan purata bulanan di antara RM3,860 hingga RM8,319; dan

(c) Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (isi rumah B40) adalah isi rumah yang berpendapatan purata bulanan di bawah RM3,860 (Parlimen Malaysia, 2016).

Kajian ini menggunakan kumpulan isi rumah ini sebagai kumpulan pendapatan keluarga pelajar bagi menyesuaikan kajian ini berkenaan dengan pengurusan wang pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian bagi penyelidikan-penyelidikan terdahulu yang boleh dikaitkan dengan kajian ini. Perbincangan dalam bab ini dibahagikan mengikut tajuk-tajuk-tajuk berikut ; masalah kewangan pelajar, tahap jaminan kedapatan makanan, bantuan kewangan pelajar, perbelanjaan pelajar IPT, literasi kewangan dan kurikulum pengurusan kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Masalah Kewangan Mahasiswa

Masalah kewangan turut dihadapi oleh golongan pelajar di Institut Pengajian Tinggi. Kos pembelajaran mereka adalah berbeza dengan pelajar di peringkat pendidikan lain. Menurut Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani (2000) yang menjelaskan bahawa mahasiswa perlu menanggung kos langsung merangkumi wang yang digunakan untuk yuran persekolahan, harga buku dan peralatan, yuran perpustakaan dan penyelidikan, yuran asrama atau tempat tinggal, yuran sukan, yuran perubatan dan sebagainya. Kos ini adalah kecil di peringkat pendidikan tahap rendah dan menengah kerana kerajaan memberi pendidikan percuma dan mempunyai pelbagai skim bagi membantu murid-murid seperti skim pinjaman buku teks. Walau bagaimanapun kos langsung ini adalah tinggi di peringkat pengajian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini turut disokong oleh Nur Afizah Bujang (2007), pada kebiasaannya perbelanjaan pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah dibantu oleh ibu bapa bahkan turut mendapat bantuan dari kerajaan. Sebaliknya pelajar di institut pengajian tinggi kurang mendapat bantuan tersebut selain terpaksa berhadapan dengan peningkatan perbelanjaan yang lain. Mereka perlu berhadapan dengan peruntukan perbelanjaan baru seperti buku dan bahan pembelajaran, perbelanjaan makan dan minum, penginapan, perjalanan, pakaian, kemudahan telekomunikasi dan yang paling utama ialah yuran pengajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat kajian tentang masalah kewangan pelajar di institut pengajian tinggi. Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa berhadapan dengan masalah kewangan. Kajian oleh Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah & Irwan Hassim, (2008) mendapati bahawa 51.8% daripada pelajar-pelajar yang menginap di kolej 17 Universiti Teknologi Skudai, Johor berhadapan dengan masalah kewangan. Mereka berhadapan dengan masalah untuk membeli keperluan asas pengajian seperti membeli buku rujukan. Bahkan mereka amat memerlukan pekerjaan pada waktu cuti panjang. Selain itu, mereka juga tidak mampu untuk membayar yuran persatuan.

Kajian ini disokong oleh hasil kajian Haslina Hassan et al. (2013). Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, majoriti pelajar berhadapan dengan masalah kos sara hidup yang tinggi selain masalah kos pembiayaan projek akhir. Ini dikukuhkan dengan analisis dapatan kajian ini mendapati bahawa 98 peratus pelajar berpendapat bahawa wang pinjaman PTPTN berjumlah RM2,500.00 setiap semester adalah tidak mencukupi. Antara objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti permasalahan kewangan yang dihadapi oleh pelajar semester enam Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah menggunakan peruntukkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi (PTPTN).

Berkenaan dengan pengurusan wang PTPTN ini, telah terdapat projek perancangan kewangan yang dilakukan Ahmad Haziri (2009) adalah bertujuan untuk membantu pihak pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) merancang kewangan mereka dan bagi menjimatkan masa mereka untuk membuat perancangan kewangan. Kebanyakan pelajar telah habis peruntukan pinjaman PTPTN sebelum semester berakhir. Projek ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilaksanakan setelah mengenal pasti masalah perancangan kewangan yang dihadapi oleh pelajar UMP. Kajian ini terlebih dahulu dimulakan dengan edaran soal selidik kepada 63 orang pelajar UMP dan hasil daripada soal selidik tersebut mendapati bahawa sebanyak 71.42 % pelajar UMP mengamalkan perancangan kewangan mereka. Walau bagaimanapun, mereka berpendapat bahawa manual perancangan kewangan mereka amat membosankan dan memakan masa yang lama. Projek ini juga mendapati bahawa terdapat dua masalah utama yang dihadapi pelajar dalam merancang kewangan. Masalah tersebut ialah mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk merekodkan kembali transaksi kewangan yang telah dilakukan satu bulan sebelumnya. Selain itu, pelajar juga berhadapan dengan masalah kurang maklumat dan ilmu berkenaan merancang kewangan yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Loh pula (2011) pula bagaimanapun mengemukakan kajian hubungan antara masalah kewangan dengan tahap literasi kewangan pelajar. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa masalah kewangan pelajar tidak dipengaruhi oleh tahap literasi kewangan mereka. Selain itu, daripada dapatan kajian ini juga menunjukkan jumlah perbelanjaan bulanan pelajar ialah sekitar RM 300.00 sehingga RM600.00 sebulan.

Terdapat juga kajian yang memberi fokus kepada masalah tekanan kewangan yang dihadapi oleh mahasiswi dan turut mengkaji kaitan antara tekanan kewangan dengan masalah kewangan mahasiswi. Kajian ini merumuskan bahawa pelajar berhadapan dengan tekanan kewangan terutama bagi ibu bapa mereka yang bekerja di perkhidmatan awam. Kajian juga mendapati bahawa mahasiswi yang tinggal di rumah sewa lebih berhadapan dengan tekanan kewangan berbanding dengan mereka yang tinggal di rumah sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini melibatkan 100 orang mahasiswi dari fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Bahu din Zakariya, Kampus Multan, Pakistan (Fauzia Khurshid et al., 2012).

2.2 Tahap Jaminan Untuk Mendapatkan Makanan (*Food Insecurity*)

Masalah tidak mampu untuk memperoleh makanan yang berkhasiat atau tidak mampu memperoleh makanan secukupnya turut berlaku di kalangan mahasiswa. Ini disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh mereka. Justeru kajian yang dilakukan oleh Siti Marhana Abd Razak et al. (2014) untuk mengenal pasti perbelanjaan, tahap tiada jaminan untuk mendapatkan makanan dan strategi daya tindak terhadap tiada jaminan untuk mendapatkan makanan berkaitan makanan dan bukan makanan dalam kalangan mahasiswa yang menerima bantuan kewangan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kajian ini melibatkan pelajar seramai 484 orang di kalangan empat buah universiti yang terlibat dalam kajian ini ialah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Dapatan kajian merumuskan bahawa sebahagian besar mahasiswa mengalami masalah untuk mendapatkan makanan dan tahap jaminan untuk mendapatkan makanan adalah pada tahap yang sangat rendah. Ini memberi kesan bahawa corak pemakanan mereka terganggu dan melibatkan pengambilan makanan yang tidak berkualiti. Peningkatan harga barangan yang turut melibatkan makanan akan menyumbang kepada masalah ini. Ini kerana perbelanjaan utama mahasiswa menggunakan wang untuk memenuhi keperluan asas, seperti makanan dan pakaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Lynn (2014). Kajian yang dilakukan di California State University Sacramento ini mendapati bahawa masalah kedapatan makanan berlaku di kolej dan ini disebabkan oleh pelajar tidak mempunyai wang yang cukup bagi mendapatkan makanan. Pelajar juga bakal berhadapan dengan pengambilan nutrisi makanan yang tidak mencukupi.

2.3 Bantuan Kewangan Pelajar

Bagi membantu pelajar menangani masalah kewangan, terdapat kajian yang ingin melihat kesan bantuan kewangan dengan pendaftaran pengajian dan keciciran pelajar. Kajian pertama ialah kajian yang dilakukan terhadap pelajar lepasan sekolah menengah di Colombia. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara bantuan kewangan dengan keciciran pembelajaran di kalangan pelajar lepasan sekolah menengah di Colombia. Hasil kajian juga mendapati bahawa di sebalik kenaikan jumlah pelajar berpendapatan rendah melanjut pengajian ke peringkat pengajian tinggi, tetapi mereka kurang berjaya mendapat bantuan kewangan berbanding pelajar berpendapatan sederhana. Kajian ini menunjukkan bahawa bantuan kewangan merupakan kaedah penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan masalah keciciran pembelajaran pelajar. Di sebalik bantuan kewangan daripada kerajaan adalah terhad, ternyata pelajar daripada keluarga berpendapatan tinggi dan sederhana lebih berjaya mendapat bantuan tersebut berbanding pelajar dari keluarga berpendapatan rendah (Melguizo et al., 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga kajian berkenaan dengan bantuan kewangan pelajar dengan aspek keciciran pengajian yang dilakukan di negara Afrika Selatan. Kajian itu juga memperoleh dapatan kajian yang sama dengan kajian di atas. Kajian ini mendapati ramai pelajar yang menamatkan pengajian lebih awal daripada tempoh pengajian sebenar disebabkan mereka tidak mampu menanggung kos pengajian. Walau bagaimanapun kajian ini turut menegaskan bahawa masih terdapat sebahagian pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan menamatkan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan (Breier , 2010).

Kedua-dua kajian di atas turut disokong oleh satu lagi kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat oleh Hillman (2013). Walaupun kajian ini membincangkan tentang bantuan kewangan dengan penyertaan pelajar berpendapatan rendah ke Institut Pengajian Tinggi, tetapi kajian ini turut mencadangkan supaya memperkenalkan bantuan kewangan tanpa pinjaman (*no-loan*) kepada pelajar berpendapatan rendah kerana ini akan meningkatkan penyertaan mereka dalam pengajian di Institut Pengajian Tinggi. Keadaan ini turut menggalakkan kewujudan kepelbagaian sosioekonomi di Institut Pengajian Tinggi.

Di Malaysia, kajian yang dilakukan adalah untuk mendapatkan purata perbelanjaan bulanan pelajar serta mengkaji corak perbelanjaan mereka. Dengan ini *haddul kifayah* dapat diperoleh untuk memberi bantuan kewangan zakat kepada mereka. Kajian ini dikemukakan oleh Sarah Athirah Saruchi et al. (2015). Dalam masa yang sama kajian ini ingin mengkaji perbezaan perbelanjaan antara pelajar aliran sains sosial dan sains tulen. Dengan ini institusi zakat dapat mengetahui jumlah bantuan sebenar kepada pelajar. Ini kerana zakat memainkan peranan yang penting bagi membantu pelajar atas kapasiti sebagai *ibnu sabil*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau anak kepada golongan miskin. Kajian ini melibatkan 160 orang pelajar sarjana muda Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dapatan kajian mendapati bahawa purata perbelanjaan pelajar sebulan ialah RM974.88. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam corak perbelanjaan antara pelajar aliran sains sosial dan sains tulen.

2.4 Perbelanjaan Pelajar IPT

Terdapat juga kajian berkaitan dengan perbelanjaan pelajar IPT. Kajian di luar negara ada membincangkan tentang tabiat berbelanja di kalangan mahasiswa, pembelian melalui internet di kalangan mahasiswa. Kajian di Amerika Syarikat yang melibatkan pelajar di kalangan pelajar University of New Hampshire yang dilakukan oleh Barthell & Waitt (2010) pula ialah kajian berkaitan dengan tabiat berbelanja pelajar yang tidak memfokuskan kepada tabiat pembelian secara atas talian. Kajian ini ingin melihat tingkah laku membeli-belah pelajar kolej, merangkumi penggunaan kad kredit, lokasi mereka membeli-belah, dan bagaimana pendapatan mereka memberi kesan aktiviti membeli-belah. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan pelajar menggunakan kad kredit tetapi tidak ramai yang mempunyai hutang. Selain itu kajian juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai pendapatan rendah akan membeli barangan yang mempunyai potongan harga bagi menjimatkan kos. Akhir sekali, penemuan daripada kajian ini mendapati bahawa pendapatan pelajar tidak mempunyai kesan terhadap tabiat membeli-belah pelajar kolej.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian di Turki yang dilakukan oleh Kiyici (2012) ingin mengenal pasti tabiat pembelian atas talian di kalangan pelajar dan aktiviti mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa lebih biasa menggunakan pembelian secara atas talian. Mereka mendapati bahawa pembelian secara atas talian ini lebih selesa dan mudah. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai pendapatan yang tinggi lebih kerap melakukan aktiviti pembelian secara atas talian.

Dapatan kajian ini sebenarnya sama dengan dapatan yang turut dilakukan di Malaysia. Kajian oleh Then (2011) juga mendapati bahawa pelajar di IPT lebih selesa untuk melakukan aktiviti pembelian secara atas talian merangkumi proses tempahan barang, menjimatkan masa dan keberkesanan sistem dalam laman sesawang yang menyediakan kemudahan pembelian secara atas talian itu sendiri. Antara objektif khusus kajian ini ialah untuk mengenal pasti corak perbelanjaan melalui jual beli atas talian di kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia. Terdapat perbezaan dari aspek objektif kajian pada kajian yang dilakukan oleh Lai (2011). Kajian ini ingin mengetahui tingkah laku pembelian secara berlebihan dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Bahkan objektif khusus kajian ini pula adalah untuk melihat perbezaan sikap tersebut di antara gender yang berbeza. Hasil kajian ini menunjukkan lebih 50% pelajar merasa tergesa-gesa untuk membeli manakala hampir 50% pula merasa bersalah selepas membeli sesuatu barangan kerana tidak munasabah. Berkenaan dengan perbezaan gander pula, kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pembelian secara berlebihan antara mahasiswa dan mahasiswi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh College Explorer (2014) , Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pelajar memperuntukkan sebanyak USD50.0 Billion setahun bagi makanan, USD31.60 bagi kenderaan, USD18.6 bagi pakaian dan kasut. Sebanyak USD14.0 pula untuk telefon bimbit dan telefon pintar, USD15.3 diperuntukkan untuk teknologi, USD9.8 untuk hiburan, USD9.8 untuk peralatan kebersihan diri. Peruntukkan bagi kosmetik dan lain-lain perbelanjaan ialah masing-masing sebanyak USD7.5. Jumlah perbelanjaan pelbagai pelajar (*total discretionary student spending*) adalah sebanyak USD164.1 bilion. Kajian ini dilakukan secara temu bual secara atas talian melibatkan 1209 orang pelajar di kalangan pelajar kolej universiti. Pada tahun 2015, hasil kajian yang dilaksanakan oleh agensi ini turut menunjukkan bahawa pelajar banyak memperuntukkan perbelanjaan mereka untuk makanan. Ini dapat dilihat daripada hasil kajian yang menunjukkan bahawa pelajar memperuntukkan sebanyak USD51.8 Bilion setahun bagi makanan, USD28.3 bagi kenderaan, USD21.2 bagi pakaian dan kasut. Sebanyak USD16.7 pula untuk laptop atau desktop, USD16.7 adalah untuk telefon bimbit dan telefon pintar, USD14.7 diperuntukkan untuk lain-lain teknologi, USD12.5 untuk hiburan, USD12.5 untuk permainan video, USD12.1 bagi peralatan kebersihan diri, USD7.4 bagi kosmetik dan bagi perbelanjaan percetakan pula ialah sebanyak USD5.5. Ini menjadikan perbelanjaan pelbagai pelajar (*total discretionary student spending*) berjumlah USD202.7 bilion (College Explorer, 2015). Kedua-dua kajian ini menunjukkan pelajar memberi keutamaan perbelanjaan mereka kepada makanan iaitu masing-masing sebanyak 30.5% bagi tahun 2014 dan sebanyak 25.5% bagi tahun 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti perbelanjaan pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini sedikit berbeza dengan kajian Refuel Agency & Crux Research Inc. kerana jumlah perbelanjaan adalah berdasarkan kepada jumlah perbelanjaan bagi setiap semester. Sedangkan kajian oleh Refuel Agency & Crux Research Inc. dikemukakan dalam bentuk perbelanjaan tahunan. Kajian tersebut ialah kajian yang dikemukakan oleh Siti Marhana Abd Razak et al. (2014) . Selain daripada mengkaji tahap tiada jaminan kedapatan makanan di kalangan mahasiswa, kajian ini turut mengkaji untuk menentukan kumpulan perbelanjaan mahasiswa. Oleh itu, kajian ini turut mengemukakan dapatan kajian berkenaan dengan sumber kewangan dan perbelanjaan mahasiswa. Antara dapatan kajian ini ialah mahasiswa memperuntukkan bagi pembelian makanan dengan peruntukkan yang tinggi iaitu sebanyak 37.2% daripada jumlah sumber kewangan mereka bagi tempoh satu semester pengajian. Seramai 52.7% pelajar kajian ini membelanjakan kurang daripada RM989.99 satu semester (RM247.50 sebulan) bagi pembelian makanan. Sebanyak 10.8% pula adalah untuk perbelanjaan pakaian diikuti oleh perbelanjaan untuk keperluan pengajian seperti pembelian buku dan alat tulisan yang merangkumi sebanyak 15.1% daripada jumlah sumber kewangan mereka. Manakala peruntukkan bagi pengangkutan pula ialah sebanyak 10.5% daripada sumber kewangan mereka dan sebanyak 6.8% pula adalah diperuntukkan untuk komunikasi.

Terdapat pandangan tokoh Islam berkenaan dengan perbelanjaan sebagaimana yang dikemukakan oleh Yusuf al-Qaradawi (1998) dalam menghuraikan ayat-ayat al-Quran berkenaan dengan perbelanjaan beliau mencadangkan antara panduan berbelanja ialah tidak melakukan pembaziran dan tidak berbelanja di luar kemampuan. Islam turut melarang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

umatnya melakukan pembaziran dan bermewah dalam berbelanja. Keadilan Islam terletak di antara kedua-dua sikap tersebut yang dikenali dengan sikap sederhana dalam berbelanja. Selain daripada itu, Islam menggalakkan umatnya untuk bersedekah dan menganggapnya sebagai satu kemuliaan dan pahala di sisi Allah.

2.5 Literasi Kewangan

Adalah penting bagi pelajar di Institut Pengajian Tinggi mengetahui dan mahir dalam membuat keputusan mengenai kewangan mereka dalam kehidupan seharian. Kemahiran ini dikenali dengan literasi kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dikemukakan oleh Nurul Fardini Zakaria et al. (2010) adalah bertujuan untuk mengenal pasti perbandingan tahap literasi kewangan antara gender penerima pinjaman PTPTN siswa IPT. Objektif khusus kajian adalah untuk meneliti perbezaan literasi kewangan antara siswa lelaki dan wanita bagi aspek pengetahuan umum, simpanan dan kredit serta membandingkan tahap literasi kewangan siswa lelaki dan wanita. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa perbezaan literasi kewangan antara gender. Hasil kajian menunjukkan dalam aspek pengetahuan umum, mahasiswa lemah dalam aspek cukai pendapatan manakala mahasiswi lemah dalam aspek sistem perbankan konvensional di Malaysia dan cukai pendapatan. Bagi aspek simpanan, mahasiswa tidak tahu bahawa wang yang disimpan akan bernilai lebih dua kali ganda dalam tempoh sepuluh tahun. Kesemua pelajar didapati lemah dalam kaedah melakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

simpanan. Dalam aspek kredit, didapati mahasiswa dan mahasiswi lemah berkaitan perbelanjaan sebenarnya tidak boleh melebihi 20 peratus pendapatan bersih untuk membayar ansuran bulanan.

Kajian yang dikemukakan oleh Butters et al. (2012) adalah bertujuan untuk menguji tahap literasi kewangan di sekolah-sekolah menengah Amerika Syarikat. Kajian ini melibatkan 6665 orang pelajar daripada 11 negeri iaitu Alabama, Arkansas, Delaware, Illinois, Kansas, Minnesota, Mississippi, Missouri, Nebraska, Tennessee dan Taxes.

Kajian ini melibatkan proses ujian yang dilakukan secara atas talian oleh Majlis Pendidikan Ekonomi (*Council of Economic Education*) setiap negeri yang terlibat. Ujian yang digunakan ialah berasaskan kepada Ujian Kecergasan Kewangan Untuk Kehidupan Peringkat Sekolah Menengah (*The Financial Fitness for Life High School Test*).Ujian ini mengandungi 50 soalan dengan setiap soalan mempunyai empat pilihan jawapan. Terdapat empat piawaian yang ditetapkan dalam ujian ini dan kesemua piawaian tersebut melibatkan 26 konsep.

Kesemua piawaian dan konsep ini berdasarkan kepada tajuk Piawaian Kebangsaan dalam K-12 pendidikan kewangan peribadi (*National Standards in K-12 Personal Finance Education*) yang diterbitkan oleh Gabungan Jumpstart (*Jumpstart Coalition*) bagi literasi Kewangan Peribadi (*Personal Financial Literacy*). Empat piawaian tersebut ialah pendapatan (*Income Standard*), pengurusan wang (*Money Management Standard*), perbelanjaan dan kredit (*Spending And Credit Standard*), dan simpanan dan pelaburan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(*Saving And Investment Standard*). Hasil kajian menunjukkan pelajar memperoleh markah tertinggi dalam piawaian pendapatan (*Income Standard*). Manakala perolehan markah terendah ialah bagi piawaian perbelanjaan dan kredit. Dalam piawaian simpanan dan pelaburan, pelajar memperoleh markah yang tinggi bagi konsep tujuan menabung dan melabur (*reasons for saving and investing*). Bagi piawaian pengurusan kewangan, konsep yang memperoleh markah yang tinggi ialah konsep kos lepas (*opportunity cost*) dan konsep tanggung jawab kewangan peribadi (*personal financial responsibility*).

Piawaian yang memperoleh markah terendah ialah pengurusan kewangan iaitu bagi konsep inflasi dan pelaburan (*inflation and investing*). Lain-lain piawaian yang memperoleh markah rendah ialah piawaian perbelanjaan dan kredit iaitu bagi konsep tanggung jawab pembeli, penjual dan pemiutang (*responsibilities of buyers, sellers, and creditors*). Begitu juga bagi piawaian simpanan dan pelaburan iaitu bagi konsep pulangan pelaburan (*rate of returns on investment*). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap literasi pelajar di Institut Pengajian Tinggi masih rendah.

Berbeza dengan dapatan kajian yang dikemukakan oleh Noor Azizah Shaari et al. (2013). Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat tahap literasi kewangan pelajar institut pengajian tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap literasi pelajar adalah di tahap sederhana. Kajian ini menggunakan data utama dengan menjadikan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada 384 pelajar dan populasi sasaran ialah pelajar tempatan di Universiti Malaya. Terdapat lima pemboleh ubah bebas digunakan dalam kajian ini iaitu umur, jantina, pengkhususan pengajian dalam perniagaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pengkhususan pengajian bukan dalam perniagaan, tabiat perbelanjaan dan tahun pengajian. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah literasi kewangan sendiri. Hasil kajian juga menunjukkan tabiat perbelanjaan dan tahun pengajian pelajar mempunyai hubungan positif dengan tahap literasi kewangan. Manakala umur dan jantina mempunyai hubungan negatif dengan tahap literasi kewangan.

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Nuraini Abdullah et al. (2013). Walau bagaimanapun, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja muda berumur antara 20 hingga 40 tahun dan bukan melibatkan pelajar di Institut Pengajian Tinggi, terutamanya daripada aspek literasi kewangan, amalan pengurusan kewangan, masalah kewangan dan pengurusan hutang golongan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap literasi pelajar kajian adalah sederhana. Tetapi jika aspek umur diambil kira, maka kajian ini tetap relevan untuk dibuat perbandingan. Pelajar yang terlibat dalam kajian ialah seramai 480 orang pelajar yang terdiri daripada kakitangan awam dan swasta telah dipilih secara pensampelan rawak berlapis di zon tengah iaitu Putrajaya, Selangor, Kuala Lumpur dan Perak melalui ketua jabatan atau ketua bahagian masing-masing. Kajian ini menggunakan borang soal selidik.

Borang soal selidik mengandungi enam bahagian yang terdiri daripada soalan berkaitan dengan demografi, status kewangan, literasi kewangan, amalan pengurusan kewangan, masalah kewangan dan pengurusan hutang. Item soalan bagi latar belakang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar meliputi soalan berkaitan dengan demografi dan sosioekonomi, status kewangan, peratus simpanan bulanan, pemilikan aset dan bebanan hutang yang ditanggung. Hasil kajian juga menunjukkan literasi kewangan yang berkaitan dengan kad kredit, caj kad kredit, tempoh pembayaran balik pinjaman dan sebagainya masih belum dikuasai sepenuhnya oleh pekerja muda. Walau bagaimanapun, keseluruhan pekerja muda tidak dibebani oleh masalah kewangan yang serius. Kebanyakan pelajar juga tidak perlu meminjam untuk membeli barangan keperluan dan mempunyai wang untuk masa kecemasan. Tahap pengurusan hutang mereka juga berada pada tahap sederhana.

2.6 Kurikulum Pengurusan Kewangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laporan yang disediakan oleh Pejabat Akauntabiliti Amerika Syarikat (*United States Government Accountability Office*) (2011) kepada Jawatankuasa Kongres (*Congressional Committees*) telah mengenal pasti 15 kajian menilai keberkesanan program pembelajaran dalam kelas untuk meningkatkan literasi kewangan di kalangan sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat kolej. Secara keseluruhannya, kajian-kajian tersebut menunjukkan program pembelajaran dalam kelas yang merangkumi tajuk seperti perbelanjaan, penjimatan, dan belanjawan telah berjaya meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap tajuk-tajuk tersebut. Laporan tersebut mengemukakan tiga contoh kajian.

Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Danes & Haberman (2004). Kajian ini telah mendapati pelajar yang mengikuti program pengajian telah berjaya meningkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat, tingkah laku dan tahap keyakinan mereka tentang kewangan pada akhir program pengajian. Selain daripada itu, kajian ini juga menunjukkan seramai 60 peratus pelajar mengalami perubahan positif dalam corak perbelanjaan dan simpanan mereka selepas tamat tiga bulan daripada program pengajian. Laporan ini juga mengemukakan satu lagi kajian yang dijalankan pada tahun 2008. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji luar yang membuat penilaian kepada Program Junior Achievement Finance Park. Kajian ini menyediakan borang kaji selidik pada sebelum dan selepas program. Hasil kajian ini menunjukkan peningkatan yang signifikan terhadap pengetahuan pelajar dan kemampuan mereka untuk merangka perbelanjaan peribadi. Begitu juga terdapat peningkatan dari aspek keyakinan mereka membuat keputusan berkaitan kewangan dan keupayaan untuk berjaya dalam menguruskan kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu, laporan ini juga mengemukakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji Universiti Negeri Ohio (Ohio State University) pada tahun 2007 (Peng et al., 2007) yang menggunakan borang kaji selidik melalui laman sesawang alumni universiti tersebut. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat kesan pembelajaran kewangan peribadi (*personal finance education*) yang dilaksanakan di peringkat sekolah menengah atau di peringkat kolej. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan pembelajaran tersebut tidak mampu meningkatkan kadar tabungan kewangan pelajar. Pelajar kolej pula didapati mempunyai pengetahuan yang tinggi berkenaan dengan isu pelaburan tetapi sebaliknya isu ini tidak mempunyai kesan yang besar kepada pelajar sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga kajian yang dikemukakan oleh Taliefero et al. (2011) bertujuan untuk menilai tahap kurikulum literasi kewangan di Sekolah Perniagaan, Universiti Howard. Ini dengan melihat kepada keupayaan maklumat kewangan yang diperoleh pelajar setelah menyertai pelbagai program. Bagi membuat penilaian tersebut, borang kaji selidik oleh National Jumpstart Coalition digunakan untuk mengumpul data berkenaan dengan maklumat kewangan dan aspek-aspek demografi.

Kajian menunjukkan pelajar Universiti Howard mempunyai prestasi lebih baik berbanding purata kebangsaan Jumpstart's bagi pelajar kolej dan pelajar bidang perniagaan atau ekonomi. Pelajar Universiti Howard memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding pelajar Afrika-Amerika Jumpstart's. Analisis regresi digunakan untuk mengenal pasti faktor penting yang memberi kesan kepada tahap kesedaran pelajar Universiti Howard termasuk dalam aspek membuat semakan akaun bank, persiapan cukai elektronik, mengambil subjek berkaitan kewangan peribadi atau pengurusan kewangan, GPA dan kekerapan membuat semakan buku baki (*balancing check book*)

Di Malaysia, pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) merupakan agensi yang bertanggungjawab merangka kurikulum berkaitan pengurusan kewangan peribadi di Institut Pengajian Tinggi. Sehubungan itu, Politeknik Malaysia memperkenalkan satu kursus berkaitan kewangan peribadi yang dikenali dengan kursus Pengurusan Kewangan Peribadi. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh Noraihan Mamat Zambi et al. (2013) adalah melihat hubungan yang signifikan antara amalan pengurusan kewangan pelajar dengan Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi (PA305) di Jabatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perdagangan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kulim Kedah. Kajian ini juga ingin melihat corak perbelanjaan dan gelagat kewangan antara pelajar yang mengikuti dan yang tidak mengikuti kursus tersebut. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar semester enam Diploma Pengajian Perniagaan dan Diploma Pemasaran sesi Jun 2013.

Kajian dijalankan ke atas kumpulan kawalan (*control group*) iaitu antara pelajar yang pernah mengambil Kursus PA305 dan yang tidak pernah mengambilnya. Bagi Bahagian Gelagat Kewangan terdapat 10 item yang dinilai. Item-item tersebut ialah perancangan perbelanjaan bulanan, membuat perbandingan harga semasa berbelanja, mampu mengawal perbelanjaan mengikut keperluan, membayar hutang menepati masa, sentiasa bincang masalah kewangan dengan keluarga, simpanan masa hadapan, matlamat kewangan tercapai, bajet perbelanjaan sebagai panduan, kenal pasti perbelanjaan harian dan tidak pernah risau tentang hutang.

Bagi bahagian corak perbelanjaan, terdapat tujuh item yang dinilai iaitu pengangkutan, penginapan, makan dan minum, bahan bacaan dan alat tulis, utiliti, hiburan dan simpanan. Hasil ujian korelasi *pearson* menunjukkan item perancangan perbelanjaan bulanan mempunyai hubungan yang positif dengan simpanan, matlamat kewangan tercapai, bajet perbelanjaan sebagai panduan, kenal pasti perbelanjaan harian, perbandingan harga semasa belanja, mampu mengawal perbelanjaan mengikut keperluan dan bayar hutang tepat pada masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini mengemukakan beberapa kesimpulan antaranya pengetahuan tentang pengurusan kewangan adalah penting bagi memastikan proses pembelajaran tidak terganggu. Dengan pengetahuan asas ini pelajar mampu mengurus kewangan dengan lebih baik dan dapat memberi tumpuan kepada pelajaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang telah mengikuti Kursus PA305 Pengurusan Kewangan Peribadi mampu mengurus kewangan dengan lebih baik berbanding pelajar yang belum pernah mengikuti kursus ini.

2.7 Rumusan

Berdasarkan sorotan kajian lepas berkaitan pengurusan wang pelajar, dapatan kajian-kajian tersebut dibincangkan dalam skop yang pelbagai. Terdapat kajian yang membincangkan tentang masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar terutamanya dari aspek masalah untuk menanggung kos berkaitan pengajian. Masalah ini dilengkapkan lagi dengan kajian yang dilakukan dengan lebih mendalam iaitu dengan mengkaji kesan masalah kewangan kepada keperluan pelajar tersebut sehingga melakukan kerja sambilan bagi mendapat wang tambahan. Juga terdapat kajian yang mengaitkan masalah ini dengan aspek tekanan kewangan. Selanjutnya kajian pengurusan wang pelajar juga mendapati aspek pengurusan wang adalah penting kerana turut memberi kesan kepada masalah kemudahan pelajar memperoleh makanan. Memandangkan terdapat kajian-kajian yang membincangkan tentang masalah kewangan pelajar, terdapat kajian lain pula membincangkan tentang aspek bantuan kewangan pelajar. Dalam skop kajian ini pula, terdapat perbincangan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkenaan dengan kumpulan pelajar yang mendapat bantuan mengikut sosioekonomi pelajar.

Selanjutnya, terdapat pula kajian yang membincangkan tentang aspek perbelanjaan pelajar. kajian dalam skop ini melibatkan aspek perbelanjaan pelajar secara atas talian, aspek perbelanjaan terhadap barangan apakah yang menjadi keutamaan pelajar. Dalam masa yang sama terdapat juga kajian yang ingin melihat corak perbelanjaan pelajar mengikut bidang pendidikan yang mereka ikuti. Selain itu, terdapat juga kajian yang ingin melihat perbezaan antara perbelanjaan pelajar lelaki dan perempuan. Selanjutnya, terdapat kajian yang ingin melihat aspek literasi kewangan pelajar mengikut bidang pendidikan mereka. Ini bagi menjawab persoalan adakah pelajar yang menduduki bidang pengajian berteraskan pengurusan wang lebih baik tahap literasi kewangan mereka berbanding kumpulan pelajar yang bukan berteraskan bidang pengurusan wang. Memandangkan, kepentingan pendidikan wang di kalangan pelajar, terdapat beberapa kajian yang ingin mengkaji berkaitan keberkesanan kurikulum pengurusan wang ke atas pelajar.

Walau bagaimanapun, kajian ini ingin melihat perkembangan kajian pengurusan wang pelajar di Malaysia yang melibatkan pelajar daripada pendidikan tahfiz al-Quran. Ini merangkumi aspek mengenal pasti aspek sosioekonomi mereka untuk dikaitkan dengan sumber pendapatan yang mereka peroleh serta mengetahui adakah berlaku penerimaan bantuan kewangan mengikut tahap sosioekonomi yang sepatutnya. Dapatan ini juga bakal menjadi aspek perbandingan dengan dapatan-dapatan kajian lain yang juga ingin melihat aspek sosioekonomi pelajar yang menerima bantuan kewangan. Kajian ini juga akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melihat aspek corak perbelanjaan pelajar terutamanya aspek barangan dan perkhidmatan. Barangan dan perkhidmatan apakah yang menjadi keutamaan pelajar sebagaimana yang turut dikaji oleh kajian-kajian lain. Dengan dapatan terhadap sumber pendapatan dan perbelanjaan pelajar ini, kajian ini melihat aspek pengurusan wang pelajar sama ada pengurusan wang positif atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan teknik penganalisisan data dalam proses mengenal pasti pengurusan wang dalam kalangan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat serta rumusan bab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat satu kajian tinjauan. Menurut Lay & Koo (2014), kajian tinjauan adalah reka bentuk kajian yang paling sesuai untuk mengetahui perasaan, perbuatan dan pemikiran kelompok manusia tertentu. Penyelidik dapat meninjau kepercayaan, sikap, tingkah laku dan persepsi pelajar yang dikaji dengan menggunakan item-item soal selidik. Reka bentuk ini juga telah terbukti sebagai medium penting bagi mengumpul maklumat berkaitan dengan pendapat dan sikap kelompok manusia tertentu tentang isu-isu budaya, sosial, ekonomi dan politik. Selain itu, reka bentuk ini juga boleh digunakan untuk menjelaskan berbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah yang ingin dikaji. Bagi menjelaskan ciri-ciri kajian tinjauan, Chua (2006) mengemukakan beberapa ciri-ciri seperti berikut ;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Kajian jenis ini boleh menjelaskan pelbagai jenis persoalan seperti masalah dan isu dari pelbagai perspektif. Kajian ini dapat menghuraikan tentang sikap, pandangan, perasaan, tingkah laku, kepercayaan dan sebagainya. Oleh itu, penggunaannya adalah menyeluruh.
b) Cara pengendalian kajian ini amat digemari oleh penyelidik kerana boleh dilakukan melalui soal selidik atau temu bual dan juga boleh dilakukan dengan menggunakan kedua-dua item tersebut.
c) Cara pungutan data kajian ini hanya memakan masa yang singkat. Jawapan pelajar dan keputusan analisis dapat dilakukan dalam masa yang singkat.
d) Kajian ini dapat menggunakan saiz sampel dalam kuantiti yang besar yang tidak mampu dilakukan dalam kajian berbentuk eksperimental.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e) Maklumat yang diperoleh melalui kajian ini juga dapat dikumpulkan secara langsung daripada pelajar dalam masa yang singkat.

f) Keupayaan dapatan kajian yang mampu digeneralisasikan kepada populasi dengan berkesan dan tepat.

Penggunaan reka bentuk kajian ini membolehkan pengkaji mengenal pasti persoalan kajian dari konteks yang lebih menyeluruh. Selain itu, kajian tinjauan ini mampu memberi maklumat daripada sampel yang besar dan mendapat keputusan analisis dalam masa yang singkat. Penggunaan reka bentuk kajian ini juga dapat memberi gambaran tentang pengurusan wang dalam kalangan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat merangkumi latar belakang sosioekonomi pelajar, pengurusan wang pelajar dan perbezaan pengurusan wang pelajar mengikut jantina serta perbezaan pengurusan wang mengikut kumpulan pendapatan keluarga pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Hamidah Yusof et al. (2014), populasi ialah sekumpulan individu yang menjadi fokus penyelidikan dan seterusnya kesimpulan kajian adalah berdasarkan kepada populasi ini. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan rawak berperingkat (*Multistage Sampling*) yang melibatkan empat institusi tahfiz yang melaksanakan Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat mengikut zon. Zon timur di wakili oleh Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Kelantan (MTQN Kelantan), Zon Utara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diwakili oleh Institut al-Quran Darul Aman (MTQN Kedah), Zon Barat diwakili oleh Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Darul Quran) manakala zon selatan diwakili oleh Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Sayyidina Ali, Melaka (MTQN Melaka). Nurul ‘Alyaa et al. (2014) dalam kajian mereka mengenai literasi, sosialisasi, tingkah laku dan kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak menggunakan pensampelan ini. Jumlah populasi di semua 14 buah institusi tahfiz yang melaksanakan Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ialah seramai 1428 bagi sesi pengajian September 2016. Manakala jumlah populasi bagi ke empat-empat institusi yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai di empat buah institusi tahfiz yang terpilih ialah 889. Senarai jumlah pelajar yang terlibat sebagai populasi dalam kajian ini boleh dilihat daripada Jadual 3.1. Pemilihan sampel secara rawak telah dijalankan di keempat-empat institusi tersebut. Jumlah sampel daripada Darul Quran ialah seramai 163 orang, MTQN Kelantan ialah seramai 31 orang, MTQN Melaka ialah seramai 27 orang dan MTQN Kedah adalah seramai 66 orang.

Jadual 3.1

Jumlah Populasi Kajian

Bil	Institusi Pengajian	Jumlah Populasi
1.	Darul Quran	505 orang pelajar
2.	MTQN Kelantan	85 orang pelajar
3.	MTQN Melaka	81 orang pelajar
4.	MTQN Kedah	218 orang pelajar

(Sumber : Unit Peperiksaan Darul Quran JAKIM, 2016)

Sebanyak 330 soal selidik diedarkan di keempat-empat institusi tersebut. Daripada jumlah itu, sebanyak 287 sahaja yang berjaya dikumpulkan dan sesuai untuk dianalisis. Baki 43 soal selidik adalah sama ada tidak dipulangkan atau pelajar tidak menjawab dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah 287 ini adalah menepati penentuan saiz sampel kajian berdasarkan kepada penentuan saiz sampel dalam aktiviti pengkajian yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) yang menetapkan bagi populasi seramai 850 orang, saiz sampel yang sesuai ialah 265 orang manakala bagi jumlah populasi seramai 900 orang, maka jumlah saiz sampel yang sesuai ialah 269.

3.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Menurut Lay & Koo (2014), soal selidik bertujuan untuk mendapatkan respons berkaitan satu set item daripada pelajar kajian. Soal selidik juga mampu menjimatkan kos dan ditadbir kepada kumpulan pelajar yang besar. Borang Soal Selidik ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian A mempunyai item-item berkenaan dengan Demografi, Bahagian B mempunyai konstruk Faktor Sosioekonomi, Bahagian C ialah berkenaan dengan ialah konstruk pendapatan pelajar. Bahagian D pula ialah berkaitan dengan perbelanjaan pelajar.

Instrumen kajian adalah diadaptasi daripada kajian lepas. Bagi sumber pendapatan pelajar dan kumpulan pendapatan keluarga pelajar, kajian ini menggunakan rujukan daripada kajian oleh Melguizo et al. (2011) yang menjelaskan bahawa di sebalik bantuan kewangan daripada kerajaan adalah terhad, ternyata pelajar daripada keluarga berpendapatan tinggi dan sederhana lebih berjaya mendapat bantuan tersebut berbanding pelajar dari keluarga berpendapatan rendah. Selain itu, kajian ini turut menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panduan daripada kajian yang dikemukakan oleh Sarah Athirah Saruchi et al. (2015) yang mengkaji purata perbelanjaan bulanan pelajar serta corak perbelanjaan mereka bagi menetapkan *haddul kifayah* dapat diperoleh untuk memberi bantuan kewangan zakat kepada pelajar. Manakala kajian oleh College Explorer (2014) pula digunakan bagi membina instrumen berkenaan perbelanjaan iaitu perbelanjaan bagi makanan, pakaian, pengangkutan, teknologi atau internet dan telefon. Manakala kajian oleh Siti Marhana Abdul Razak et al. (2014) pula berkenaan dengan perbelanjaan alat tulis dan buku. Manakala perbelanjaan bagi sedekah adalah sebagaimana yang disarankan oleh Yusuf al-Qaradawi (1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian A : Demografi

Bahagian ini akan mengumpulkan data-data pelajar berkaitan dengan umur, jantina, nama institusi pengajian dan *syukbah* bagi mendapat maklumat berkenaan latar belakang pelajar. Dengan mengetahui jantina pelajar, bahagian ini akan digunakan bagi melengkapkan persoalan ketiga iaitu berkenaan dengan berbezaan min pengurusan wang pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat mengikut jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B : Faktor Sosioekonomi

Bahagian ini akan melibatkan faktor-faktor sosial pelajar yang merangkumi pekerjaan ibu bapa, kumpulan pendapatan keluarga, jumlah adik-beradik yang masih ditanggung ibu bapa, dan status tempat tinggal. Bahagian ini digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan persoalan ketiga iaitu mengenal pasti berbezaan min pengurusan wang pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat mengikut kumpulan pendapatan keluarga pelajar.

Bahagian C : Pendapatan Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini akan mengenal pasti sumber pendapatan pelajar. Bahagian ini merangkumi anggaran pendapatan bulanan pelajar dan sumber pendapatan pelajar. Bagi sumber pendapatan pelajar, pelajar diberi pilihan berikut untuk mengenal pasti sumber pendapatan mereka iaitu ; biasiswa, ibu bapa, sedekah atau zakat dan sumbangan, serta lain-lain sumber yang perlu dinyatakan oleh pelajar. Bahagian digunakan untuk menjawab persoalan pertama iaitu berkenaan dengan tingkat pendapatan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian D : Perbelanjaan Pelajar

Bahagian ini digunakan bagi mengenal pasti corak perbelanjaan pelajar-pelajar kajian ini. Pada bahagian ini, pelajar dikehendaki menyatakan perbelanjaan pengangkutan, sedekah, makan minum, pakaian, alat tulis, buku atau majalah dan kitab rujukan, bil telefon atau tambah nilai dan perkhidmatan internet. Bahagian digunakan untuk menjawab persoalan pertama iaitu berkenaan dengan perbelanjaan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat.

3.4 Kajian Rintis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik terlebih dahulu melalui proses kajian rintis. Menurut Chua (2006) kajian rintis adalah kajian berskala kecil sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Tujuan kajian rintis dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti kemampuan sesuatu kajian untuk dilaksanakan. Selain itu, kajian rintis juga dilaksanakan bagi meningkatkan kesahan dalaman instrumen kajian dengan menggunakan beberapa langkah berikut antaranya ialah menyoal subjek kajian rintis untuk memberi maklum balas tentang kekeliruan item-item yang dikemukakan, membuang atau mengubahsuai item-item yang mengelirukan dan menilai sama ada pilihan item-item adalah munasabah. Justeru kajian ini telah melalui dua sesi kajian rintis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian rintis pertama telah dilakukan pada 15 Mei 2016 yang melibatkan 20 orang pelajar. Hasil daripada ujian kebolehpercayaan mendapati nilai *alpha* yang diperoleh tidak memuaskan iaitu 0.319. Langkah-langkah berikut telah diambil bagi memastikan kajian rintis ini berjaya :

a) Mengenal pasti item-item yang sesuai untuk disingkirkan dan item-item akan diubahsuai.

b) Menyoal subjek kajian bagi mendapatkan kepastian tentang item-item yang sukar dan tidak jelas untuk dijawab.

c) Meningkatkan jumlah pelajar kajian rintis kepada 33 orang pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hingga RM400 dan pelajar yang mempunyai pendapatan antara RM501 hingga RM600. Min pendapatan pelajar ialah sebanyak RM456.43.

Dari aspek sumber utama pendapatan pelajar adalah disumbangkan oleh biasiswa yang diterima. Ini adalah berdasarkan kepada dapatan kajian yang menunjukkan bahawa seramai 209 orang (73.8%) yang menerima jumlah biasiswa antara RM250 hingga RM450 sebulan. hanya seramai 78 orang pelajar (27.2%) yang tidak menerima biasiswa daripada mana-mana institusi. Pemberian daripada ibu bapa pula bukan merupakan sumber utama pendapatan pelajar. Ini berdasarkan kepada dapatan kajian yang menunjukkan bahawa hanya 34.8% atau 100 orang pelajar sahaja yang menerima pemberian daripada ibu bapa mereka dengan jumlah antara RM1 hingga RM100. Bahkan seramai 105 orang pelajar (36.6%) yang tidak menerima sebarang pemberian bulanan daripada ibu bapa mereka. Hasil daripada sumbangan zakat, sedekah dan lain-lain sumbangan juga bukan merupakan sumber pendapatan utama pelajar berdasarkan kepada hasil kajian yang menunjukkan bahawa 85% pelajar atau 244 orang tidak menerima apa-apa sumbangan dalam bentuk zakat atau sedekah. Manakala min pendapatan bulanan pelajar pula ialah berjumlah RM 456.43. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masih terdapat ramai di kalangan pelajar yang tidak menerima bantuan kewangan daripada zakat. Sedangkan kajian yang dikemukakan oleh Sarah Athirah Saruchi et al. (2015) menjelaskan bahawa zakat memainkan peranan yang penting bagi membantu pelajar atas kapasiti sebagai *ibnu sabil* atau anak kepada golongan miskin. Ini juga disokong oleh dapatan kajian yang kemukakan oleh Marhana Abd Razak et al. (2014) yang mendapati bahawa hanya 0.2% sahaja pelajar yang menerima sumber kewangan daripada agensi zakat. Sebaliknya kajian ini mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seramai 43 orang (15%) memperoleh peruntukkan daripada sedekah, zakat atau lain-lain sumbangan adalah antara RM1 hingga RM100 sebulan. Di samping majoriti pelajar masih mempunyai sumber pendapatan utama ialah daripada biasiswa.

5.2.2 Corak Perbelanjaan Pelajar

Dari aspek perbelanjaan seramai 65 orang pelajar (22.6%) memperuntukkan perbelanjaan mereka antara RM301 hingga RM400 manakala seramai 55 orang pula (19.2%) memperuntukkan belanja bulanan sebanyak RM401 hingga RM500. Ini diikuti oleh pelajar yang mempunyai peruntukkan perbelanjaan antara RM201 hingga RM300 iaitu seramai 53 orang (18.5%) dan pelajar yang memperuntukkan perbelanjaan antara RM101 hingga RM200 adalah seramai 50 orang (17.4%). Manakala min perbelanjaan pelajar pula ialah sebanyak RM 331.11. Min perbelanjaan ini adalah selari dengan kajian yang dikemukakan oleh Loh (2011) yang menunjukkan jumlah perbelanjaan bulanan pelajar ialah sekitar RM300 sehingga RM600 sebulan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini pula berbeza dengan dapatan kajian yang dikemukakan oleh Sarah Athirah Saruchi et al. (2015) yang mendapati bahawa purata perbelanjaan pelajar sebulan ialah RM974.88.

Pelajar dalam kajian ini tidak berhadapan dengan masalah perbelanjaan bagi kegunaan sewa kediaman kerana tempat penginapan adalah disediakan kepada mereka. Oleh itu, mereka tidak berhadapan dengan tekanan kewangan. Ini berbeza dengan kajian yang dikemukakan oleh Fauzia Khurshid et al. (2012) yang mendapati bahawa mahasiswa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang tinggal di rumah sewa berhadapan dengan tekanan kewangan berbanding mereka yang tinggal di rumah sendiri. Dari aspek perbelanjaan utama pelajar kajian ini, pelajar banyak memperuntukkan wang mereka bagi makanan. Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan min perbelanjaan pelajar bagi perbelanjaan makan minum ialah berjumlah RM180.85 atau merangkumi 54.6% daripada keseluruhan perbelanjaan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dikemukakan oleh Sarah Athirah Saruchi et al. (2015) yang mendapati perbelanjaan purata tertinggi pelajar ialah perbelanjaan keperluan makanan. Ini juga disokong oleh beberapa kajian lain lagi yang menyimpulkan bahawa peruntukkan terbanyak pelajar adalah makan dan minum. Kajian oleh College Explorer (2014) mendapati pelajar memperuntukkan sebanyak 30.7% daripada pendapatan mereka. Kajian selanjutnya oleh College Explorer (2015) turut mendapati bahawa sebanyak 25.5% perbelanjaan pelajar adalah bagi pembelian makanan dan minuman. Peratusan lebih tinggi diperuntukkan bagi perbelanjaan makanan dan minuman iaitu sebanyak 37.2% yang didapati oleh kajian Siti Marhana Abd Razak et al. (2014).

Oleh itu, kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai masalah untuk memperuntukkan wang bagi mendapatkan makanan. Ini berbeza dengan kajian oleh Siti Marhana Abd Razak et al. (2014) dan kajian oleh Lynn (2014) yang merumuskan bahawa sebahagian besar mahasiswa mengalami masalah untuk mendapatkan makanan.

Perbelanjaan pelajar terhadap pakaian hanya merangkumi sebanyak 7%. Jumlah ini lebih rendah berbanding dapatan kajian lain yang menunjukkan jumlah peratus peruntukkan pelajar terhadap pakaian adalah dalam lingkungan 10%. Ini dapat dilihat daripada dapatan kajian oleh Siti Marhana Abd Razak et al. (2014) yang mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mahasiswa memperuntukkan sebanyak 10.8% untuk perbelanjaan pakaian. Begitu juga kajian oleh College Explorer (2014) yang mendapati peruntukkan mahasiswa bagi pakaian ialah sebanyak 11.4% manakala dapatan pada tahun 2015 pula ialah 10.4% (College Explorer, 2015).

Pelajar juga mempunyai peruntukkan yang rendah bagi perbelanjaan terhadap pengangkutan. Peruntukkan bagi pengangkutan hanya merangkumi sebanyak 6%. Ini berbeza dengan kajian oleh Siti Marhana Abd Razak et al. (2014) yang mendapati mahasiswa memperuntukkan sebanyak 10.5% untuk perbelanjaan pengangkutan. Begitu juga kajian oleh College Explorer (2014) yang mendapati peruntukkan mahasiswa bagi pengangkutan ialah sebanyak 19.4% . Walau bagaimanapun jumlah ini didapati turun pada tahun berikutnya ialah hanya sebanyak 11.7% (College Explorer, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi perbelanjaan berkaitan komunikasi, dapatan kajian ini mendapati pelajar memperuntukkan sebanyak 10.5% daripada jumlah perbelanjaan mereka untuk bil telefon atau tambah nilai. Kajian oleh Siti Marhana Abd Razak et al. (2014) menunjukkan bahawa perbelanjaan berkaitan komunikasi seperti perbelanjaan terhadap bil telefon, pelajar memperuntukkan sebanyak 6.4% daripada pendapatan bulanan mereka. Kajian oleh Siti Marhana Abd Razak et al. (2014) pula mendapati pelajar mereka memperuntukkan sebanyak 6.8% daripada pendapatan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Tahap Pengurusan Wang Pelajar

Dari aspek pengurusan wang, dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat mempunyai tahap pengurusan wang positif. Ini berdasarkan kepada dapatan kajian ini menunjukkan seramai 223 pelajar (77.7%) mempunyai pengurusan wang positif. Sebaliknya, bilangan pelajar yang mempunyai pengurusan wang negatif adalah seramai 58 orang pelajar (20.2%) dan hanya enam orang pelajar (2.1%) berada pada tahap pengurusan wang seimbang. Secara keseluruhannya majoriti pelajar berada pada tahap pengurusan wang positif antara RM1 hingga RM100 dengan jumlah mereka adalah seramai 68 orang (21.3%). Seramai 66 orang pelajar pula (18.1%) berada pada tahap pengurusan wang positif antara RM101 hingga RM200. Ini diikuti pelajar yang berada pada tahap pengurusan wang positif antara RM201 hingga RM300 iaitu seramai 51 orang (12.2%). Jumlah keseluruhan pelajar daripada ketiga-tiga tahap ini ialah seramai 185 orang pelajar (51.6%).

Kajian ini juga menunjukkan perbezaan yang ketara daripada aspek jumlah antara pelajar-pelajar yang berada pada tahap pengurusan wang positif dengan pelajar yang berada pada tahap pengurusan wang negatif. Jumlah pelajar yang berada pada tahap pengurusan wang positif ialah seramai 223 orang berbanding pelajar yang berada pada tahap pengurusan wang negatif yang hanya 51 orang pelajar. Oleh itu, dapatan ini membuktikan pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat mempunyai kemampuan pengurusan wang yang baik. Ini amat berbeza dengan kajian yang dikemukakan oleh Noor Azizah Shaari et al. (2013) serta dapatan kajian oleh Nuraini Abdullah et al. (2013)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menunjukkan tahap literasi kewangan pelajar institut pengajian tinggi adalah berada pada tahap sederhana.

Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian-kajian yang menunjukkan bahawa mahasiswa berhadapan dengan masalah kewangan sebagaimana yang diperoleh daripada kajian oleh Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah & Irwan Hassim (2008) dan kajian daripada Haslina et al. (2013). Sebaliknya dapatan kajian ini menjadi sokongan kepada kajian ke atas golongan pekerja muda oleh Nuraini Abdullah et al. (2013) yang menyatakan secara keseluruhannya pekerja muda tidak dibebani masalah kewangan yang serius.

Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang melaksanakan kajian berkaitan kurikulum pengurusan kewangan yang mengkaji keberkesanan sesuatu kurikulum berkaitan pengurusan kewangan pelajar terdapat perbelanjaan, simpanan dan lain-lain berkaitan pengurusan kewangan peribadi mereka. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kurikulum tersebut telah didapati berkesan sebagaimana yang didapati daripada kajian oleh Danes & Haberman (2004) yang mendapati pelajar yang mengikuti program pengajian yang merangkumi tajuk berkenaan perbelanjaan, penjimatan dan belanjawan telah menunjukkan peningkatan maklumat, tingkah laku dan tahap keyakinan mereka tentang kewangan. Bahkan kajian ini membuktikan seramai 60% pelajar mengalami perubahan positif dari aspek corak perbelanjaan dan simpanan mereka selepas tamat tiga bulan program pengajian tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Taliefero et al. (2011) bertujuan untuk menilai tahap kurikulum literasi kewangan di Sekolah Perniagaan , Universiti Howard. Ini dengan melihat kepada keupayaan maklumat kewangan yang diperoleh pelajar setelah menyertai pelbagai program. Kajian ini juga menunjukkan pelajar Universiti Howard mempunyai prestasi lebih baik berbanding purata kebangsaan Jumpstart's bagi pelajar kolej dan pelajar bidang perniagaan atau ekonomi.

Di Malaysia juga kajian yang berkaitan ini telah dilakukan oleh Noraihan Mamat Zambi et al. (2013) yang ingin melihat corak perbelanjaan dan gelagat kewangan antara pelajar yang mengikuti dan pelajar yang tidak mengikuti Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi (PA305). Hasil kajian ini pelajar yang mengikuti kursus ini mampu mengurus kewangan dengan lebih baik berbanding dengan pelajar yang belum pernah mengikuti kursus ini.

Kesemua dapatan kajian berkenaan kurikulum berkenaan pengurusan kewangan di atas telah membuktikan bahawa pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat juga mempunyai pengurusan wang yang baik berdasarkan kepada kajian ini yang mendapati seramai 77.7% belajar adalah berada pada tahap pengurusan wang positif selain mempunyai tahap pengurusan wang positif sebanyak RM125.32 iaitu 27.5% daripada min pendapatan mereka. Ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai keupayaan mengurus wang sebagaimana pelajar yang mengikuti kursus pembelajaran berkaitan dengan kewangan. Oleh itu, dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Danes & Haberman (2004) yang menunjukkan seramai 60% pelajar mengalami perubahan positif dalam corak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbelanjaan dan simpanan mereka selepas tamat tiga bulan daripada program pengajian berkenaan dengan kewangan. Ini berbeza pula dengan dapatan kajian yang dikemukakan oleh Peng et al. (2007) yang menunjukkan pembelajaran kewangan peribadi

Dapatan kajian juga memperincikan tahap pengurusan wang pelajar. Secara keseluruhannya majoriti pelajar berada pada tahap pengurusan wang positif antara RM1 hingga RM300 iaitu seramai 185 orang (51.6%) berbanding pelajar yang berada pada tahap pengurusan wang negatif antara RM1 hingga RM200. Jumlah mereka ialah seramai 50 orang (32.1%). Jumlah perbezaan antara dua kumpulan tahap pengurusan wang ini agak besar. Ini selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa min pengurusan wang pelajar ialah positif RM 125.32. Jumlah ini turut menggambarkan potensi simpanan bulanan pelajar. Jumlah ini merangkumi 27.5% daripada min pendapatan pelajar. Dapatan ini menyokong kajian oleh Norain Mod Asri et al. (2014) yang mendapati sebanyak 82% pelajar mempunyai tabungan kurang daripada RM250 sebulan.

5.2.4 Perbezaan Min Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Jantina

Perbezaan pengurusan wang mengikut jantina terbahagi kepada tiga perbincangan. Pertama ialah perbincangan berkenaan dengan perbezaan tingkat pendapatan pelajar mengikut jantina. Kedua ialah berkenaan dengan perbezaan corak perbelanjaan pelajar mengikut jantina dan ketiga ialah berkenaan dengan perbezaan pengurusan wang pelajar mengikut jantina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menunjukkan pelajar perempuan mempunyai tingkat pendapatan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Ini berdasarkan kepada min pendapatan pelajar perempuan ialah sebanyak RM473.32 manakala min pendapatan pelajar lelaki ialah RM438.94. Dari aspek corak perbelanjaan pula, pelajar perempuan mempunyai min perbelanjaan sebanyak RM350.58 manakala min perbelanjaan pelajar lelaki ialah sebanyak RM310.94.

Tidak ada perbezaan yang signifikan bagi pengurusan wang pelajar lelaki dan perempuan. Ini berdasarkan nilai *p* lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Pengurusan wang pelajar lelaki ialah sebanyak RM128 manakala pengurusan wang pelajar perempuan pula ialah sebanyak RM127.74. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan perbezaan corak perbelanjaan antara pelajar lelaki dan perempuan, kajian ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan menanggung kos perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Dapatan ini melengkapkan kajian yang telah dikemukakan oleh Nurul Fardini et al. (2010) yang mendapati dari aspek pengetahuan umum, pelajar lelaki lemah dalam aspek cukai pendapatan manakala pelajar perempuan lemah dalam aspek sistem perbankan konvensional di Malaysia dan cukai pendapatan. Bagi aspek simpanan, pelajar lelaki tidak tahu bahawa wang yang disimpan akan bernilai lebih dua kali ganda dalam tempoh sepuluh tahun. Kesemua pelajar didapati lemah dalam kaedah melakukan simpanan. Dalam aspek kredit, didapati pelajar lelaki dan pelajar perempuan lemah berkaitan perbelanjaan sebenarnya tidak boleh melebihi 20 peratus pendapatan bersih untuk membayar ansuran bulanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.5 Perbezaan Min Pengurusan Wang Pelajar Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga Pelajar

Perbezaan pengurusan wang mengikut kumpulan pendapatan keluarga pelajar terbahagi kepada tiga perbincangan. Pertama ialah perbincangan berkenaan dengan perbezaan tingkat pendapatan pelajar mengikut kumpulan pendapatan keluarga. Kedua ialah berkenaan dengan perbezaan corak perbelanjaan pelajar mengikut kumpulan pendapatan keluarga dan ketiga ialah berkenaan dengan perbezaan pengurusan wang pelajar mengikut kumpulan pendapatan keluarga.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar daripada kumpulan T20 mempunyai tahap pendapatan tertinggi iaitu sebanyak RM481.21 dan ini diikuti oleh pelajar daripada kumpulan M40 (RM457.13). Manakala pelajar daripada kumpulan B40 pula ialah sebanyak RM441.79. Ini menunjukkan bahawa dari aspek pendapatan, jumlah pendapatan bulanan pelajar adalah selari dengan kategori jumlah pendapatan ibu bapa mereka. Pelajar dari kategori T20 mempunyai pendapatan lebih tinggi berbanding pelajar dari dua lagi kategori. Pendapatan bulanan pelajar dari kumpulan T20 ini turut disumbangkan oleh pemberian daripada ibu bapa mereka yang mempunyai pendapatan yang tinggi. Ini juga menunjukkan bahawa pelajar dari kumpulan T20 dan M40 lebih berpeluang mendapat kemudahan biasiswa dan bantuan lain. Ini sebagaimana disokong oleh kajian yang dikemukakan oleh Melguizo et al. (2011) yang menjelaskan bahawa pelajar dari keluarga berpendapatan sederhana lebih berjaya mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan berbanding pelajar dari keluarga berpendapatan rendah. Ini adalah berdasarkan kepada peratusan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah yang memperoleh bantuan kewangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih kecil berbanding peratusan mereka yang tidak mendapat bantuan. Hanya sekitar 29% pelajar dari keluarga berpendapatan rendah mendapat bantuan kewangan berbanding sekitar 35% pula tidak mendapat sebarang bantuan kewangan. Dari aspek corak perbelanjaan pula, daripada kumpulan T20 mempunyai jumlah perbelanjaan tertinggi iaitu sebanyak RM358.81 dan ini diikuti oleh pelajar daripada kumpulan M40 (RM354.41). Manakala pelajar daripada kumpulan B40 pula ialah sebanyak RM297.52.

Tidak ada perbezaan yang signifikan bagi pengurusan wang pelajar mengikut kumpulan pendapatan keluarga pelajar. Ini berdasarkan nilai *p* lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Semua kumpulan adalah dalam kategori pengurusan wang positif. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan pelajar dari kumpulan B40 mempunyai tahap pengurusan wang lebih baik berbanding kumpulan pendapatan keluarga pelajar yang lain. Tahap pengurusan wang bagi kumpulan B40 ialah RM144.27. Ini jauh berbeza dengan kumpulan M40 yang mempunyai tahap pengurusan wang ialah sebanyak RM102.71. Tahap pengurusan wang kumpulan T20 pula ialah sebanyak RM122.40.

5.3 Implikasi Kajian

Dapatan yang dikemukakan dalam kajian ini memberi implikasi kepada tahap pengurusan wang pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat dalam beberapa aspek.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks penyaluran bantuan kewangan kepada pelajar, hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa bantuan kewangan telah berjaya disalurkan kepada pelajar dari golongan berpendapatan rendah. Ini berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa pelajar dari kumpulan B40 merangkumi 42.8% pelajar berbanding pelajar dari kumpulan M40 (32.8%) dan T20 (24.4%). Manakala jumlah pelajar yang menerima biasiswa antara RM250 hingga RM450 adalah seramai 72.9% dan pelajar yang menerima zakat, sedekah atau lain-lain bentuk sumbangan ialah seramai 43 orang (15%). Dalam masa yang sama, kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar dari kumpulan B40 lebih baik dari aspek pengurusan wang. Keupayaan mereka mengurus pendapatan dan perbelanjaan membuktikan bahawa mereka sebenarnya layak untuk menerima bantuan kewangan. Walau bagaimanapun, dari aspek jumlah pendapatan bulanan pelajar, ternyata pelajar dari kumpulan T20 lebih banyak berbanding kumpulan-kumpulan yang lain. Ini disebabkan mereka mempunyai sumber pendapatan daripada pemberian ibu bapa mereka. Pelajar dari Kumpulan B40 perlu diberi bantuan kerana aspek masalah tekanan kewangan akan dapat dielakkan. Ini sebagaimana kajian yang dikemukakan oleh Fauzia Khurshid et al. (2012) yang menyatakan bahawa pelajar dari keluarga berpendapatan rendah lebih berhadapan dengan tekanan hidup disebabkan oleh masalah kewangan. Mereka berhadapan dengan masalah pemulauan oleh guru dan rakan-rakan. Tahap pendapatan rendah merupakan faktor yang signifikan dengan dapatan masalah tekanan kewangan. Hillman (2013) turut mencadangkan supaya diperkenalkan bantuan kewangan tanpa pinjaman (*no-loan*) kepada pelajar berpendapatan rendah bagi mendorong mereka untuk menyertai peringkat pendidikan tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek sumber bantuan kewangan pelajar, sumber ini tidak semestinya terhad daripada sumber perbelanjaan kerajaan. Sumber zakat boleh dimaksimumkan penggunaan terutamanya melibatkan pelajar Islam. Zakat memainkan peranan yang penting bagi membantu pelajar atas kapasiti sebagai ibnu sabil atau anak kepada golongan miskin. Ini dibuktikan dengan sumbangan pada tahun 2013 oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang telah memperuntukkan sebanyak RM17.9 juta sebagai bantuan pendidikan kepada 32919 orang *asnaf* (Sarah Athirah Saruchi et al., 2015). Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh LZS ini perlu terus dikembangkan oleh institusi zakat yang lain.

Aspek bentuk bantuan kepada pelajar juga boleh diperluaskan kepada penyediaan kemudahan bantuan lain selain daripada pemberian tunai berbentuk biasiswa. Ini termasuk dengan penyediaan peruntukan khas melibatkan keperluan khas pelajar seperti kemudahan tempat tinggal dan makan minum secara percuma. Selain itu, yuran pengajian juga boleh diambil kira sebagai keperluan penting pelajar. Yuran pengajian juga boleh dikenakan dalam kadar yang munasabah dan dengan kos yang rendah. Keperluan lain seperti kemudahan internet dan telefon yang disediakan secara percuma oleh pihak institusi pengajian tinggi juga akan secara tidak langsung akan membantu pelajar pengurusan wang mereka.

Dari aspek peruntukan makan dalam perbelanjaan adalah penting dan ada hubungannya dengan pengurusan wang pelajar. Lynn (2014) yang mendapati pelajar berhadapan dengan masalah pengambilan nutrisi yang cukup disebabkan oleh tidak mempunyai wang bagi mendapatkan makanan. Faktor yang menyebabkan peningkatan kos

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

makan perlu diberi perhatian serius. Siti Marhana Abd Razak et al. (2014) telah menjelaskan bahawa peningkatan harga barangan menjadi penyumbang utama kepada masalah rendahnya jaminan kedapatan makanan di kalangan mahasiswa. Ini dapat dilihat daripada sebahagian besar peruntukkan mahasiswa adalah digunakan untuk perbelanjaan makanan. Peningkatan harga makanan boleh menyebabkan sumber kewangan pelajar sedia ada tidak mencukupi. Ini mengakibatkan kesukaran pelajar untuk mendapatkan makanan atau boleh mendorong pelajar mendapatkan makanan yang kurang berkhasiat, mengandungi bahan kurang baik untuk kesihatan, kurang nutrisi yang kesemuanya boleh didapati pada makan yang berharga murah. Justeru kerajaan disarankan agar mengawal inflasi dalam negara kerana inflasi boleh menyebabkan kenaikan pada harga makanan. Ini termasuk dengan mengekalkan polisi kerajaan untuk tidak mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) terhadap barangan makanan dan minuman. Ini selari dengan cadangan yang dikemukakan oleh Norain Mod Asri et al. (2014) yang mencadangkan supaya pihak kerajaan sentiasa mengambil berat tentang keadaan inflasi semasa dengan pelaksanaan cukai GST yang boleh menyebabkan kenaikan harga makanan.

Biasiswa, zakat dan sumber-sumber lain bantuan kewangan pendidikan wajar disalurkan kepada pelajar aliran agama. Ini kerana pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat telah membuktikan kemampuan mereka dalam mengurus wang. Selain daripada itu, kebanyakan mereka adalah terdiri daripada kumpulan B40 yang selayaknya menerima bantuan kewangan bagi menjamin masa depan mereka. Justeru peruntukkan zakat seharusnya dimanfaatkan kepada pelajar aliran ini di samping turut menilai pemberian peruntukan zakat kepada pelajar daripada aliran lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi kajian juga menunjukkan bahawa pengurusan wang yang baik membantu pelajar daripada berhadapan dengan masalah kewangan. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada kelancaran pembelajaran pelajar bagi menamatkan Program Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat dengan baik.

5.4 Cadangan Pengurusan Wang Pelajar

Bantuan kewangan dalam pendidikan perlu menjadikan aspek sosioekonomi pelajar sebagai syarat kelayakan utama penerimaan bantuan. Ini bagi memastikan pelajar dari kumpulan B40 kekal layak mendapat bantuan dan sebarang aspek pengabaian. Manakala Kumpulan T20 pula diberi kelayakan dari aspek pinjaman kewangan bagi pendidikan atau tidak diberi apa-apa bentuk kemudahan kewangan disebabkan tahap sosioekonomi mereka yang baik. Bagi pelajar kumpulan M40 pula, mereka perlu diberi pertimbangan khas bagi sebarang bantuan kewangan pendidikan selain turut memperkenalkan bantuan berbentuk pinjaman.

Selain daripada memberi tumpuan kepada aspek pengurusan wang pelajar kumpulan B40, sebuah institusi pengajian tinggi yang memberi keutamaan bagi menyertai program pengajiannya kepada pelajar dari kumpulan ini boleh dicadangkan. Institusi pengajian ini jika tidak memberi pengajian secara percuma sepenuhnya, boleh hanya mengenakan kos yang murah berbanding institusi pengajian tinggi lain. Ini sebagaimana yang dilaksanakan oleh HBCU (*Nations Historically Black Colleges and Universities*) di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amerika Syarikat yang bertujuan memberi perhatian dalam aspek pendidikan kepada golongan minoriti kulit hitam di Amerika Syarikat yang merupakan golongan minoriti dan berpendapatan rendah di Amerika Syarikat. Menurut Johnson et al. (2015), HBCU menetapkan kadar yuran yang rendah kepada pelajar berbanding universiti lain. Pada tahun 2011/2012 jumlah purata yuran pelajar ialah USD6000.00 berbanding di universiti lain yang berjumlah USD7500.00. Kewujudan institut pengajian ini akan secara langsung membantu pelajar daripada golongan berpendapatan rendah seperti kumpulan B40.

5.5 Kajian Lanjutan

Kajian ini hanya melibatkan pelajar yang terlibat dengan pendidikan al-Quran sahaja iaitu secara khususnya ialah pelajar yang mengikuti program pengajian Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat di empat buah institusi tahfiz yang menggunakan pensampelan berbilang dua peringkat. Kajian yang lain boleh dijalankan dengan lebih meluas lagi dengan melibatkan pelajar dari institusi pendidikan Islam yang lain. Kajian ini juga adalah kajian keratan rentas menggunakan set soalan kaji selidik. Kajian pengurusan wang pelajar yang lain boleh menggunakan bentuk kajian kes yang mampu mengumpul maklumat pengurusan wang pelajar secara lebih sistematik dan mendalam. Ini termasuk dengan menggunakan kaedah pengumpulan data menggunakan dokumen temu bual mendalam dan pemerhatian terhadap pelajar. Kajian yang akan datang juga boleh memberi tumpuan dalam melihat aspek perbezaan pengurusan wang antara pelajar daripada dua aliran pendidikan yang berbeza seperti perbezaan pengurusan wang antara aliran agama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan aliran sains. Ini dapat meluaskan lagi dapatan kajian berkaitan dengan pengurusan wang pelajar. Kajian seterusnya juga boleh melihat aspek kesan pendidikan al-Quran terhadap pengurusan wang pelajar yang terlibat dalam pendidikan ini. Ini bagi melibat sejauh mana keberkesanan kurikulum dan hubungan kurikulum pendidikan al-Quran dalam pengurusan wang pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abd. Rahman Abd Ghani (2016). *Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahfiz di Malaysia Ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih*. Paper presented at the Simposium Pendidikan Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa, Selangor.

Ahmad Haziri Mohamed Amin (2009). *Financial Management System : Golden Rules Of Design Implementation. Projek Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains Computer (software Engineering)*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Pahang. Pahang Diperoleh pada Mac 26, 2016 daripada http://umpir.ump.edu.my/3754/1/AHMAD_HAZIRI_BIN_MOHAMED_AMIN.PDF

Bany Ariffin, Huson Joher, Ali Ahamed, Junaina Muhammad & Abu Hassan (2002). *Guide To Financial Management*. Albert Street, Singapore: Thomson Learning.

Barthell V. R. & Waitt J. A. (2010). *Shopping Behaviors of College Students. University Of New Hampshire.* Diperoleh pada Mac 29, 2016 daripada https://cola.unh.edu/sites/cola.unh.edu/files/student-journals/ValerieBarthell.pdf

Breier M. (2010). From Financial Consideration to Poverty : Toward a Reconseptualisation of The Role of Finance In Higher Education Student Drop Out. *Higher Education*. Volume 60, Number 6, 657-670

Butters R. B., Asarta C. J.,& McCoy. S. G. (2012). Financial Literacy and Gender in U.S. High Schools. *Journal Of Economics And Finance Education*. Volume 11, Number 2. 142-149 Diperoleh pada Mac 5, 2016 daripada http://www.economics-finance.org/jefe/volume11-2/11.financial%20literacy%20and%20gender%20in%20u.s.%20high%20schools%20(1).pdf

Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah & Irwan Hassim (2008). *Kajian Tentang Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar-Pelajar Yang Menginap Di Kolej 17 UTM, Skudai Johor*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh pada Disember 10, 2015 daripada http://eprints.utm.my/10815/1/Kajian_Tentang_Masalah_Yang_Dihadapi_Oleh_Pelajar.pdf

Chua Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur.Mc Graw Hill.

College Explorer (2014). Amerika Syarikat : Refuel Agency & Crux Research Inc. Diperoleh pada Disember 26, 2016 daripada http://www.refuelagency.com/wp-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

content/themes/refuelagency/college_explorer/college_explorer_2014_high_level_review.pdf.

College Explorer (2015). Amerika Syarikat : Refuel Agency & Crux Research Inc. Diperoleh pada Disember 26, 2016 daripada http://research.refuelagency.com/wp-content/uploads/2016/01/College%20Explorer%202015%20Final.pdf

Danes S. M. & Haberman H.(2004). *Evaluation of the NEFE High School Financial Planning Program 2003-2004*. National Endowment for Financial Education, 2004.

Fauzia Khurshid, Kawish Tasswar & Farah Naz Qasmi (2012). Financial Stress Among the Female University Students.*Global Journal Of Human Social Science*.USA. Global Journals Inc. 26-31 Diperoleh pada Mac 21, 2016 daripada https://globaljournals.org/GJHSS_Volume12/4-Financial-Stress-Among-the-Female.pdf

Froyen R. T. (2002). *Macroeconomics Theories and Policies*.Prentice-Hall International,Inc. Amerika Syarikat.

Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (2013). *Pengurusan Kewangan : Panduan Untuk Semua*. Selangor. Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna.

Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa (2014). *Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan*. Tanjong Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Haslina Hassan, Naimah Ismail & Hamzan Harun (2013). *Kajian Terhadap Pengurusan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Dalam Kalangan Pelajar Semester Enam Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah*. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Kedah. Technical And Education Colloquium (TEC) PTSB 29 September 2013 Diperoleh pada Mac 21, 2016 daripada http://ecrim.ptsb.edu.my/file/20150209071314.pdf

Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad, Muhammad Lukman Ibrahim & Mohd Faizulamri Mohd Saad (2016). *Hafazan al-Quran di USIM dan UKM: Kajian Terhadap Silibus Takhasus al-Quran dan Sunnah*. Paper presented at the Simposium Pendidikan Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa, Selangor.

Hillman N. W. (2013). Economic Diversity in Elite Higher Education: Do No-Loan Programs Impact Pell Enrollments?. *Higher Education*. USA. Ohio State University. Volume 84, Number 6, 806-833

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hishamuddin Md. Som (2005).*Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.

Horne J. C. V. & Wachomicz J. M. Jr. (2008). *Fundamentals of Financial Management.* England. Pearson Education Limited. Diperoleh pada Mei 12, 2016 daripada https://yamanfc.files.wordpress.com/2015/01/fundamentals-of-financial-management.pdf

JAKIM (2014). *Peraturan-Peraturan Akademik Darul Quran 2011 (Pindaan 2014)*. Selangor. Darul Quran.

JAKIM (2014). *Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat*. Darul Quran.

JAKIM (2016). *Sambutan Jubli Emas Darul Quran Menjana Generasi al-Quran*. Selangor. Darul Quran.

Johnson M., Brunch J. & Gill B. (2015). *Changes Ini Financial Aid and Student Enrollment at Historically Black Colleges and Universities After The Tightening of PLUS Credit Standards*. Institute of Education Sciences. U.S Department Of Education. United Nation. Diperoleh pada Ogos 31, 2015 daripada http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED555652.pdf

Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). Laporan Awal – Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Diperoleh pada Mac 23, 2016 daripada http://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf

Kiyici M. (2012). Internet Shopping Behavior Of College Of Education Students. *The Turkish Online Journbal of Educational Technology* – July 2012. Volume 11 Issue 3. 202-214. Diperoleh pada Mac 29, 2016 daripada http://www.tojet.net/articles/v11i3/11319.pdf.

Krejcie R. V. & Morgan D. W.. (1970). Determining Sampel Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. Diperoleh pada November 29, 2016 daripada http://home.kku.ac.th/sompong/guest_speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf.

Lai W. K. (2011). *Complusive Buying Behavior Among University Tunku Abdul Rahman (UTAR)'s Stundents*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Pengguna. Universiti Putra Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Landau S. & Everitt B. S. (2004). *A Hand Book of Statistical Analyses Using SPSS*. Amerika Syarikat. Chapman & Hall/Crc. Diperoleh pada Mac 31, 2016 daripada http://www.academia.dk/BiologiskAntropologi/Epidemiologi/PDF/SPSS_Statistical_Analyses_using_SPSS.pdf

Lay Y. F. & Koo C. H. (2014). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*.Universiti Malaysia Sabah. Sabah.

Loh S. W. (2011). *Financial Literacy and Financial Problem Between Universiti Putra Malaysia (IPTA) and Taylor's Universiti College (IPTS) Students*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Pengguna. Universiti Putra Malaysia.

Lynn A. H.(2014). Evaluation of Food Insecurity among College Students. *American International Journal of Contemporary Research*. Volume 4, Number 4 46-49 Diperoleh pada Mac 27, 2016 daripada http://www.aijcrnet.com/journals/Vol_4_No_4_April_2014/6.pdf

Maklumat Bilangan Pelajar Maahad Tahfiz Qiraat Negeri (MTQN) Sesi September 2016. Dipetik daripada dokumen rasmi Unit Peperiksaan (2016). Darul Quran, JAKIM

Melguizo T., Torres F. C. & Jaime H.(2011). The Association Between Financial Aid Availibility And The College Dropout Rates in Colombia. *Higher Education*. Volume 62, Number 2. 231-248.

Meriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study : Application in Educations*. San Francisco. Jossey-Bass Publication.

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Azmil Hashim, Wahyu Hidayah, Ahmad Yussuf & Abd Hadi Borham (2016). *Tahap Penggunaan Alat Bantuan Hafazan (ABH) Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz al-Quran di Malaysia*. Paper presented at the Simposium Pendidikan Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa, Selangor.

Mohd Musnizam Mustapha (2001). *Masalah-Masalah Yang Dihadapi dan Pengaruhnya Terhadap Pencapaian Pembelajaran di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Satu Tinjauan*.Tesis Ijazah Sarjana . Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Diperoleh pada Mac 26, 2016 daripada http://eprints.uthm.edu.my/1003/1/24_Pages_from_MASALAH-MASALAH_YANG_DIHADAPI_DAN_PENGARUHNYA_TERHADAP_PENCAPAIAN_PEMBELAJARAN_DI_KO.pdf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muhammad al-Sayyid Yusuf (2006). *Metode al-Quran Dalam Membaiki Masyarakat*. Johor. Perniagaan Jahabersa.

Muhammad Zawawi Muhammad Ali @ Yusof & Nor Hafizi Yusof (2016). *Amalan Spiritual Menghafaz al-Quran dan Pencapaian Akademik Pelajar Imtiaz Negeri Terengganu*. Paper presented at the Simposium Pendidikan Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa, Selangor.

Netty Zahura Abd Aziz (2006). *Amalan Pengurusan Wang di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).* Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh pada Ogos 31, 2015 daripada http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p_2006_6923_5a7626b7b11f422f81415ada3756810d.pdf

Noor Azizah Shaari, Nurfadhilah Abu Hasan,Ramesh Kumar Moona, Mohamed & Mior Ahmad Jafri Md Sabri (2013). Financial Literacy : A Study Among The University Students. *Interdiscilpary Journal Of Contemporary Research In Business*. Volume 5, No.2 Diperoleh pada Mac 6, 2016 daripada http://journal-archieves33.webs.com/279-299.pdf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Noraihan Mamat Zambi, Hasmida Mohamad Hassan & Syaiful Baharee Jaafar (2013). *Hubungan antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar dan Kursus PA 305 : Pengurusan Kewangan Peribadi - Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah*. Technical And Education Colloquium (TEC) PTSB. Diperoleh pada Mac 5, 2016 daripada http://ecrim.ptsb.edu.my/file/20150209071437.pdf

Norain Mod Asri, Salwah Bulis, Atikah Azmi, Wook Endut & Md. Zyadi Md Tahir (2014). Cukai Perkhidmatan Dan Caj Perkhidmatan: Impak Kepada Permintaan Pengguna Terhadap Makanan Di Restoran. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jilid 22. 1-26 Diperoleh pada Mac 26, 2016 daripada http://macfea.com.my/wp-content/uploads/2015/01/JPM-Jilid-22-Jun-2014.pdf

Nur Afizah Bujang (2007). *Pengurusan Kewangan Mahasiswa : Tinjauan Terhadap Pelajar Tahun 1 Dan 2, Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Fakulti Pendidikan UTM.*Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh pada Disember 9, 2015 daripada http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkghdfwp2/p_2007_7732_9a279abf87b042b5b037b5764112683b.pdf

Nurul ‘Alyaa, Adillah Mokhtar, Mohamad Fazli Sabri,Ahmad Hariza Hashim,Husniyah Abd Rahim, etal (2013). Literasi, Sosialisasi, Tingkah Laku Dan Kompetensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kewangan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Pengguna Malaysia*, Jilid 21, 1-14. Diperoleh pada Mac 26, 2016 daripada http://macfea.com.my/wp-content/uploads/2014/03/JPM-Jilid-21-Dis-2013.pdf

Nurul Fardini Zakaria, Laily Paim & Husniyah Abd.Rahim (2010). Perbandingan Literasi Kewangan Siswa Berasaskan Gender. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jilid 15, 50-64. Diperoleh pada Mac 25, 2016 daripada http://macfea.com.my/wp-content/uploads/2013/08/Jurnal-Pengguna-Malaysia-Vol-15-2010.pdf

Nuraini Abdullah, Mohamad Fazli Sabri, Husniyah Abdul Rahim, Mohd. Amim Othman Afida Mastura Muhammad Arif & Nurul Farhana Zakaria (2013). Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jilid 21. 16-34. Diperoleh pada Mac 25, 2016 daripada http://macfea.com.my/wp-content/uploads/2014/03/JPM-Jilid-21-Dis-2013.pdf

Parlimen Malaysia (2016). Pemberitahuan Pertanyaan Bagi Jawapan Bukan Lisan Mesyuarat Kedua. Penggal Ketiga. Parlimen Ketiga Belas. Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Diperoleh pada November 27, 2016 daripada http://pardocs.sinarproject.org/documents/2015-may-june-parliamentary-session/written-replies-soalan-bertulis/soalan-434.pdf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peng T.-C.M., Bartholomae S., Fox J.J. & Cravener G. (2007). The Impact of Personal Finance Education Delivered in High School & College Courses. *Journal of Family and Economic*.Issues 28 (2007): 265-284.

Redhwan A.A.N., Sami A.R., Karim A.J., Chan R. & Zaleha M.I. (2009). *Stress and Coping Strategies among Management and Science University Students: A Qualitative Study*. The International Medical Journal. Volume 8 Number 2. 11-16, Diperoleh pada Mac 26, 2016 daripada http://iiumedic.net/imjm/v1/download/Volume%2008%20No%202/IMJVol8No2pg11-16.pdf

Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani (2000). *Ekonomi dan Pendidikan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sabri Mohamad, Azmil Hashim & Hamdi Ishak (2016). *Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tahfiz: Prinsip dan Kaedah Dalam Membina Kurikulum Tahfiz al-Quran*. Paper presented at the Simposium Pendidikan Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa, Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sarah Athirah Saruchi, Aisyah Abdul Rahman & Hairunnizam Wahid (2015). Pola Perbelanjaan dan Haddul Kifayah Zakat bagi Pelajar Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar 18* (2)(2015) :45-62

Siti Marhana Abd Razak, Norhasmah Sulaiman & Husniyah Abd Rahim (2014). Perbelanjaan Dan Tiada Jaminan Kedapatan Makanan Dalam Kalangan Mahasiswa Yang Menerima Bantuan Kewangan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pengguna Malaysia*. Jilid 22. 85-102 Diperoleh pada Mac 26, 2016 daripada http://macfea.com.my/wp-content/uploads/2015/01/JPM-Jilid-22-Jun-2014.pdf

Surat Permohonan Kelulusan Menaikkan Kadar Biasiswa Kepada Pelajar Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dipetik daripada dokumen rasmi Cawangan Kewangan & Pentadbiran (2016). Darul Quran, JAKIM

Taliefero D. L., Kelly L., Brent W. & Price R. (2011). A Review Of Howard University's Financial Literacy Curriculum. *American Journal of Business Education*. Volume 4, Number 10 73-84 Diperoleh pada Mac 26, 2016 daripada http://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1056591.pdf

Then S. H. (2011). *The Differences of E-Shopper Typology in On-Line Buying Satisfaction Amongst UPM's Students, Serdang*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Pengguna. Universiti Putra Malaysia.

United States Government Accountability Office (2011). *Financial Literacy: A Federal Certification Process for Providers Would Pose Challenges*. Amerika Syarikat. Diperoleh pada Mac, 5 2016 daripada http://www.gao.gov/assets/330/320203.pdf.

Yuran Pelajar Baru Diploma Tahfiz al-Quran Sesi 2015/2018. Dipetik daripada dokumen rasmi Cawangan Kewangan & Pentadbiran (2016). Darul Quran, JAKIM

Yusuf al-Qaradawi (1998). *Peranan Nilai dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam*.Kuala Lumpur. Blue-t Sdn Bhd.

Zulkefly Abdul Karim & Aminudin Mokhtar (2005). *Hubungan Antara Hasil Dengan Perbelanjaan: Bukti Empirikal Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri Di Malaysia.* Diperoleh pada Ogos 29, 2017 daripada http://ijms.uum.edu.my/images/pdf1/12no2ijms/ijms1229hubungn.pdf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi